

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
*Ninth Parliament*  
**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*  
**MESYUARAT PERTAMA**  
*First Meeting*

---

**Jilid III**

**Bil. 4**

**Hari Khamis**

**15 Mei 1997**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

(Ruangan 1)

**USUL:**

Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda  
Yang di-Pertuan Agong.

■ *Y.B. Puan Kamalia binti Ibrahim*

(Ruangan 41)

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KESEMBILAN  
Mesyuarat Pertama  
Penggal Yang Ketiga  
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

- “ (Johor) Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N.
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kamalia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Michael Chen Wing Sun (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Othman bin Yunus, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)
- “ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)

- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan M. Zeevill @ Shanmugan a/l R.M.S. Mutaya, A.M.N., P.J.K. (Selangor)

**DEWAN NEGARA**  
**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara: Abdullah bin Abdul Wahab  
Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman  
Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Selamat  
Penolong Setiausaha: Nor Hayatee binti Abdullah

**CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,  
P.P.N.

***PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN***

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor

**BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

12Mei1997

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Khamis, 15hb. Mei, 1997**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**BANK NEGARA MENGEHADKAN PINJAMAN - KESAN  
KE ATAS PASARAN SAHAM DAN HARTANAH**

1. **Dato' Eng Hoi Choo** minta Menteri Kewangan menyatakan kesan-kesan ke atas pasaran saham dan pasaran hartanah akibat daripada tindakan-tindakan “pre-emptive” yang diambil oleh Bank Negara untuk mengatasi masalah “asset inflation” dengan menghadkan pinjaman-pinjaman institusi-institusi kewangan kepada sektor hartanah kepada 20% dan pembelian saham kepada 15%.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, langkah awalan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) berkuatkuasa pada 1hb. April, 1997 tidak bertujuan untuk memperlahankan pertumbuhan sektor harta benda atau menjejaskan prestasi pasaran saham, tetapi bertujuan untuk mengawal pinjaman bagi aktiviti spekulatif dan memastikan kestabilan sistem perbankan ataupun dengan izin, the soundness of the banking system. Oleh itu,

langkah ini tidak akan menjejaskan pemberian pinjaman untuk mengembangkan keupayaan yang produktif.

Dengan mempengaruhi arah pinjaman oleh institusi perbankan bagi mendorong risiko yang berkaitan pembetulan harga-harga aset, langkah tersebut membantu memastikan peredaran industri perbankan dalam lingkungan yang berhemat. Walaupun keadaan ini di Malaysia masih belum sampai ke tahap yang membimbangkan, ianya akan membahayakan sekiranya langkah awalan tidak diambil.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun indeks komposit Kuala Lumpur dan indeks Papan Kedua masing-masing menurun sebanyak 10.2% dan 14.8% pada bulan April, 1997 kelembapan pasaran saham pada masa Bank Negara Malaysia memperkenalkan langkah tersebut disebabkan oleh faktor lain yang juga menyebabkan sentimen pasaran yang begitu lemah. Ini termasuklah kenaikan dalam kadar faedah di Amerika Syarikat dan perkembangan negatif yang lain dalam pasaran dalam negeri. Bursa saham di negara-negara lain juga memperlihatkan sentimen pasaran yang lemah pada masa itu.

Sungguhpun langkah tersebut mempunyai kesan jangka pendek, langkah ini akan memastikan kestabilan sektor kewangan dalam jangka pertengahan dan jangka panjang agar sektor berkenaan dapat menyumbang dengan lebih berkesan dalam mencapai perkembangan ekonomi yang mapan. Sememangnya perkembangan yang dapat dilihat di negara-negara lain jelas menunjukkan yang langkah berhemat adalah perlu bagi memastikan ekonomi terus berkembang dengan mapan, dengan kestabilan di dalam kedua-dua sektor iaitu dalaman dan di luar negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Zulkiah - Dato' Zuki.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua,  
Zuki - Z-u-k-i. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, saya ingat 'Suzuki'. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Buang 'Su' itu. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan. Pasaran saham ini, dengan izin, sangat sensitif, bila bergerak sahaja daun sehelai, harga akan menurun, itu ibaratkan sahaja, bukanlah makna daun bergerak, saham jatuh. Mengapa pihak Bank Negara hendak heboh-hebohkan sangat berkenaan dengan menyuruh bank-bank mengehadkan pinjamannya? Panggil bank-bank yang telah beri banyak pinjaman itu, awak sudah lebih 20%, jangan beri. Jangan dihebohkan sangat. Disebabkan itulah satu daripada sebabnya mengapa saham ini jatuh.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan harga hartanah ini sangat-sangat ketara sekarang ini. Adakah ini didorong disebabkan peningkatan pinjaman bank untuk membeli harta ini? Tolong beri analisisnya. Ataupun adakah disebabkan bank-bank masa ekonomi dahulu jatuh, banyak mengambil hartanah yang tidak ada harga dan masih lagi hendak menjual tanah itu, tanah-tanah yang telah pun, dengan izin, di'surplus'kan ini?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, apabila Bank Negara memperkuatkuasakan pada 1hb. April, 1997 untuk kita melihat supaya bank-bank tidak terlebih memberi pinjaman kepada dua sektor ini, iaitu sektor hartanah dan saham. Pada ketika itu kita ada lagi peruntukan sebanyak RM60 bilion ke RM70 bilion lagi. Cuma kita hanya memperingatkan kepada bank-bank yang berkenaan, mana bank yang kata Yang Berhormat Dato' Zuki tadi betul, mana bank yang terlebih 20% jangan lagi diberi pinjaman, tetapi bank-bank lain yang belum lagi memberikan pinjaman yang begitu pesat, boleh memberi pinjaman.



Kalau dilihat kepada keseluruhannya, peningkatan harga hartanah sangat ketara oleh peningkatan pinjaman bank untuk membeli aset. Jadi, kalau kita lihat daripada analisa yang dibuat oleh Bank Negara, pada tahun 1996 pinjaman kepada sektor hartanah meningkat 30.9% daripada jumlah pertambahan pinjaman bank berbanding dengan cuma 25.9% pada tahun 1995. Jadi, memandangkan sebahagian besar daripada pinjaman-pinjaman baru disalurkan kepada sektor hartanah tadi dan juga pinjaman bank kepada sektor perkilangan sangat menurun. Jadi, kalau kita lihat dari segi makro ekonomi, apabila banyak orang beli hartanah, membeli rumah secara spekulatif, bukan untuk diduduki sendiri, membeli ruang niaga dan sebagainya, kita lihat bahawa kebanyakannya duit itu jatuh ke situ, tidak pergi kepada sektor perkilangan yang boleh mengeluarkan banyak lagi produk yang kita boleh hantar keluar dan dapat foreign exchange.

Jadi, dari segi kualiti pelaburan kita lihat dengan keadaan ini kita kena import banyak lagi buruh, tidak secara langsung termasuk barang-barang import dan juga pelaburan dalam sektor ini juga tidak menghasilkan eksport secara langsung. Jadi, maknanya kalau kita ada factory simen misalnya, selalunya simen ini kita hantar ke Singapura tetapi oleh kerana hartanah dan aset-aset ini kita bina, jadi simen tidak dapat kita hantar ke Singapura tetapi kita buat bangunan-bangunan di negara kita dan dengan itu kita kena pula panggil jiran-jiran, rakan-rakan kita untuk membawa pendatang-pendatang asing ke negara kita. Jadi, ini melemahkan kedudukan akaun semasa imbalan bayaran kita.

Jadi, kemungkinan berlakunya lebih penawaran akan terjejas, iaitu beberapa jenis hartanah wujud di Lembah Klang. Misalnya, Yang Berhormat Dato' Zuki, ruang pejabat di Lembah Klang sebanyak 10 buah bangunan komersial utama dijangka akan

siap pada tahun 1997 dan akan menawarkan sejumlah 996,696 meter persegi ruang pejabat untuk disewa. Bagi ruang niaga, sebanyak 4 buah kompleks seluas 2.4 juta kaki persegi dijangka juga siap pada tahun 1997 dan 11.6 juta kaki persegi dijangka siap pada tahun 1998.

Saya bawa di sini, Tuan Yang di-Pertua, *Far Eastern Economic Review*, dia kata di sini:

*“State of Denial: Thailand needs to come to grips with that problem and other economic ill but the business community and the government are reluctant to face the fact”*, dengan izin.

Dan satu ruang lagi dia kata di sini:

*“The construction spree fuel by foreign borrowing means that the glut of Bangkok office space will only get worse”*.

Jadi, kita tidak mahu jatuh ke dalam jurang ini.

Jadi, memandangkan kemungkinan berlakunya lebih penawaran bagi beberapa jenis hartanah menjelang tahun 1998, terutamanya di Lembah Klang, dan inflasi aset yang terus tinggi, tindakan perlu diambil segera untuk menghadkan pinjaman bank yang bertujuan membiayai pembelian aset kepada tahap yang lebih berhemat. Ini adalah untuk mengawal pendedahan sistem bank kepada sektor hartanah agar sistem kewangan negara tidak dilanda krisis sekiranya berlaku kejatuhan harga aset secara mendadak. Terima kasih.

**Dato’ Eng Hoi Choo:** Tuan Yang di-Pertua, saya menerima penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan bahawa tindakan yang diambil oleh Bank Negara itu bukanlah semata-mata untuk menjejaskan pasaran saham,

tetapi pada hakikat yang sebenarnya harga pasaran saham itu sudah jatuh begitu nyata sehingga hari ini. Soalan tambahan saya adalah sekiranya harga pasaran saham ini terjejas dengan begitu hebat, adakah akan mengganggu pembangunan ekonomi Malaysia yang begitu hebat pada hari ini? Kalau ada, apakah tindakan yang akan diambil oleh Bank Negara untuk membaik pulih kedudukan sekarang?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai saham ini, saya sebenarnya tidak main saham, jadi saya tidak berapa tahu. Tetapi walau bagaimanapun, daripada analisa yang kita buat, perubahan harga saham di bursa-bursa saham yang lain juga menimbulkan suasana di negara kita, sementelahan pula spekulatif sangat memainkan peranan. Kalau kita lihat negara kita dari segi fundamental, pembangunan ekonomi kita sebanyak 8.2%. Jadi, saya rasakan dari segi fundamental tidak ada masalah. Tetapi apa yang dikatakan oleh kerana keadaan kita juga bergantung kepada negara-negara yang lain, jadi apabila Amerika Syarikat menaikkan interest ratenya, maka benda ini snow ball, dengan izin.

Dalam perangkaan kita, dalam bulan April sahaja di Manila misalnya, kita mendapat -17.8% jatuh. Di Bangkok -6.3%, di Singapura 3.3%, di Kuala Lumpur -10.2%. Dan kalau kita tengok secara accumulative, cara berkumpul di antara Januari dan April, 1997 di Manila -16.5%, Bangkok -20.5% dan Kuala Lumpur -12.7%. Jadi, ia membabitkan di bursa saham di negara-negara lain dan tidak hanya bertumpu kepada negara kita.

Tetapi sepertimana kata Yang Berhormat Dato' Zuki tadi, oleh kerana kemungkinan announcement yang dibuat, masuk dalam masa bursa saham ini jatuh, jadi nampak sangatlah announcement itu dikatakan begitu. Begitu juga pada hari ini dikatakan jatuh 40 mata, ada yang mengatakan keadaan begitu teruk dan ada yang mengaitkan pula dengan Allahyarham Datuk Seri Chief Minister Malacca.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak menyusul soalan sahabat saya, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin

Kamaluddin, dan saya hendak tahulah seperti yang dinyatakan oleh pihak kerajaan tadi latar belakangnya, the 'back drop' senario yang membuatkan Bank Negara ini dapat melemahkan dari segi psikologi Pasaran Saham Kuala Lumpur ialah kerana wujudnya kenyataan yang dibuat oleh Pengerusi Reserve Bank Amerika terlebih awal untuk menaikkan faedah. Tetapi kalau Bank Negara sudah tahu, ramai orang tahu menyangkakan perkara ini akan berlaku di Amerika, kenapa statement atau kenyataan Bank Negara tidak dibuat lebih awal daripada kenyataan daripada Amerika. Ini bukan soalan, ini sebagai latar belakang.

Soalan saya begini, dalam keadaan ekonomi kita membangun, kita dapati kenyataan-kenyataan sensitif oleh jabatan-jabatan yang sensitif yang boleh menentukan arah turun-naiknya saham kita di Kuala Lumpur ini, iaitu Bank Negara dan juga Suruhanjaya Sekuriti. Kerana adakah kalau sekiranya kita sebutkan tadi di mana kelebihan RM60 bilion ke RM70 bilion masih wujud. Waktu kenyataan itu dibuat, adakah pihak Bank Negara dan juga Security Commission dipanggil atau di'cushion', dengan izin, oleh pihak kerajaan supaya jangan membuat kenyataan-kenyataan yang sensitif dalam keadaan market itu sensitif, termasuklah Security Commission yang menyatakan ura-ura hendak menurunkan T7 kepada T5. Pada masa akan datang hendak umum sekarang. Jadi, saya hendak tahu sama ada pihak kerajaan memanggil mereka ini dan jabatan-jabatan lain yang boleh mengeluarkan kenyataan-kenyataan sensitif supaya 'slow down' sedikit. Kalau tidak hendak buat, suruh Menteri Kewangan buat.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman. Saya rasakan pandangan itu bagus. Baru-baru ini dalam

post Kabinet, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan telah pun menyatakan perkara yang sama kepada Bank Negara, dan kita akan ambil tindakan.

### **KEKESAKAN JALAN RAYA - MENGATASI DENGAN MENGURANGKAN TEMPAT LETAK KERETA**

2. **Puan Kamalia binti Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kajian telah dibuat sebelum polisi mengurangkan tempat letak kereta dalam bangunan di bandaraya dilaksanakan untuk menyelesaikan masalah kesesakan jalan raya.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawabkan soalan ini bersama-sama dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat Tuan Low Kai Meng pada 2hb. Jun, 1997 kerana kedua-dua soalan ini meliputi perkara yang sama.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang menjalankan satu kajian yang terperinci untuk menggubal satu polisi yang komprehensif mengenai kesesakan sistem lalu lintas di Kuala Lumpur. Pelbagai variabel telah diambil kira termasuk sistem pengangkutan awam yang lebih efisien dengan menggunakan LRT, lorong bas dan lain-lain lagi. Satu lagi tindakan yang dikenal pasti yang boleh diambil ialah dengan mengurangkan kemasukan kereta ke Kuala Lumpur. Didapati lebih kurang 980,000 iaitu hampir satu juta buah kereta memasuki Kuala Lumpur tiap-tiap pagi. Di samping itu, terdapat 1.502,890 kenderaan yang didaftarkan di Kuala Lumpur.

Inilah menyebabkan kerajaan bercadang menjalankan beberapa langkah yang boleh mengatasi kesesakan ini, misalnya dengan mengurangkan tempat-tempat letak kereta di bangunan-bangunan dan di tepi-tepi jalan. Pada tahun 1996, 1,242 petak tepi jalan telah dihapuskan dari jumlah 10,292 yang ada. Langkah-langkah lain juga dikaji termasuklah pengurangan jumlah tempat letak kereta di bangunan-bangunan atau

mengurangkan kemasukan kereta yang ‘single occupancy’, dengan izin, ke Bandaraya Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, langkah-langkah ini adalah langkah jangka panjang yang sedang dikaji dalam menangani kesesakan di Kuala Lumpur.

Sebarang tindakan yang diambil ini adalah bertujuan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di Bandaraya Kuala Lumpur dan ianya tidak akan menjejaskan aktiviti perdagangan, tetapi sebaliknya akan menguntungkan pihak-pihak terlibat kerana kurangnya masalah kesesakan jalan raya dan dengan adanya pengangkutan awam yang lebih efisien.

**Tuan M.G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita semua sedar Bandaraya Kuala Lumpur ini penuh sesak dengan kereta-kereta. Walau bagaimanapun, permohonan diluluskan untuk membina bangunan-bangunan besar di Kuala Lumpur. Mengapa kerajaan meluluskan permohonan untuk membina bangunan besar, apabila kita sedar kesesakan sudah wujud di Bandaraya Kuala Lumpur.

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kesesakan jalan raya di Kuala Lumpur ini kita anggapkan tidaklah akan berpanjangan sebab sekarang ini pembangunan jalan-jalan raya, pembangunan jejambat, LRT, PRT, Putra, Star, semuanya sedang dijalankan, yang kita harap hendak selesaikan sebelum Sukan Komanwel. Oleh sebab pembangunan ini pesat dijalankan, maka banyak jalan yang tertutup dan banyak jalan yang empat hala, enam lorong, empat lorong dijadikan dua lorong. Jadi, dengan sebab itu, maka keadaan yang tidak sesak jadi sesak. Kalau kita tengok Jalan Tun Razak, sampai lima-enam tempat yang dibangunkan. Malah ada juga tempat-tempat, jalan-jalan baru yang kita akan buat, misalnya jalan ‘ring road’ dan sebagainya, jalan-jalan atas jambatan, atas sungai dan sebagainya, ini semua akan mengurangkan kesesakan jalan raya

di Kuala Lumpur yang kita anggap sekarang ini temporary. Jadi, apabila semua selesai, kita anggap perkara ini bolehlah sedikit-sebanyak kita atasi.

Walau bagaimanapun, di kawasan-kawasan yang tertentu, terutama sekali di 'golden triangle' atau tiga segi emas di Kuala Lumpur yang merentangi Jalan Sultan Ismail, itu kita mengehadikan bangunan, saya ingat kalau tidak salah 20 tingkat (storey). Di tempat-tempat lain belum dihadkan. Ini memandangkan kawasan tersebut agak sesak dan dijangka infrastruktur di kawasan itu telah di'stress', dengan izin, kepada maksimum, maka oleh sebab itu, 'golden triangle' itu kita had, tetapi di kawasan-kawasan lain belum lagi.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita tahu bahawa jikalau bangunan-bangunan yang didirikan biasanya nilainya kemungkinan akan turun jikalau tidak mempunyai tempat letak kereta. Saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan, tadi ada dinyatakan bahawa telah ditutup beberapa tempat meletak kereta, dan adakah daripada penutupan tersebut sebenarnya dapat menyelesaikan ataupun dapat mengurangkan masalah kesesakan jalan raya?

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Sebenarnya, yang kita tutup ialah tempat-tempat letak kereta di tepi jalan, di beberapa jalan yang disebut. Kita rasa oleh sebab kawasan-kawasan ini terlalu sesak oleh sebab ada tempat letak kereta di tepi jalan, maka sebab itu kita hapuskan tempat letak kereta di tepi jalan. Kita berpendapat bahawa dengan hapusnya tempat letak kereta di tepi-tepi jalan, di lorong-lorong belakang, ini menyenangkan lagi ataupun melicinkan lagi laluan di setengah-setengah tempat, di setengah-setengah kawasan yang dihapuskan itu.

**Datuk Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentunya sedar bahawa di bawah peraturan sekarang dan juga sebelum ini, sesuatu pemaju yang gagal mengadakan tempat letak kereta yang mencukupi akan dikenakan penalti oleh pihak Dewan Bandaraya. Jadi, di bawah dasar baru yang akan dijalankan oleh pihak Dewan Bandaraya sekarang ini adakah pihak Dewan Bandaraya pula memberikan insentif kepada pemaju-pemaju bangunan yang kurang mempunyai tempat letak kereta. Umpamanya, melalui insentif pengurangan cukai ‘development charges’ ataupun sebagainya.

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, dasar ini belum dilaksanakan lagi, baru kita tengok cara mana yang boleh dijalankan. Sehingga ini belumlah ada apa-apa yang konkrit yang dijalankan lagi. Ini langkah-langkah yang dicadangkan, macam-macam langkah yang dicadangkan, ‘area pricing’ dan sebagainya belum dijalankan.

### **PELAJAR MALAYSIA DI SINGAPURA - PERINGKAT PENGAJIAN DAN BILANGAN MEREKA**

3. **Datuk Rahim bin Baba** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di Singapura dan nyatakan peringkat pengajian mereka. Adakah kerajaan bercadang mengenakan levi kepada ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka belajar di Singapura, sedangkan kemudahan pendidikan yang sama terdapat di negara ini.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan tidak mempunyai rekod bilangan pelajar Malaysia yang sedang menuntut di Singapura serta peringkat pengajian mereka. Pelajar-pelajar dari Malaysia yang belajar di negara tersebut adalah diuruskan oleh ibu bapa atau keluarga



masing-masing tanpa memaklumkan kepada pihak Kementerian Pendidikan. Walau bagaimanapun, dianggarkan peratusan mereka adalah kecil. Buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk mengenakan levi kepada ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka belajar di Singapura.

**Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah hukuman kepada pelbagai institusi pengajian tinggi (IPT) bersama-sama sebilangan ahli PAS yang menunjuk perasaan baru-baru ini, dan berapa ramaikah pelajar-pelajar terlibat di dalam tunjuk perasaan tersebut?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan itu adalah keluar dari tajuk yang disebutkan, saya minta izin menjawab secara bertulis.

**Puan Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita mendapat tahu bahawa ada rakyat Singapura yang membeli hartanah atau rumah di Johor. Saya ingin mendapat maklumat daripada Kementerian Pendidikan, adakah rakyat Singapura yang mendapat kemudahan pendidikan daripada negara Malaysia. Kalau ada, berapakah bilangannya?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem ekonomi terbuka, sedangkan kita juga ingin mewujudkan Malaysia sebagai pusat pendidikan yang cemerlang di rantau ini, bukan sahaja kita secara strategi ini sengaja ingin menggalakkan pelajar-pelajar dari negara jiran ini memasuki Malaysia, mendaftar diri mereka di kolej-kolej swasta dan sebagainya, kerana kita akan dapat hasil daripada pelajar-pelajar tersebut dari segi yuran-yuran yang dibayar, dari segi lain yang mereka akan belanjakan di negara kita ini. Memang ada pelajar-pelajar dari Singapura

yang belajar di negara kita. Tentang bilangannya tidak ada di tangan saya, dan saya akan beri bilangan tersebut secara bertulis.

**Puan Hajah Rahaiah binti Baهران:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa kerajaan tidak bercadang mengenakan levi kepada ibu bapa yang menghantar anak mereka belajar di Singapura. Tetapi adakah kerajaan bercadang untuk mengumpul maklumat di atas bilangan mereka yang menghantar anak-anak mereka belajar di Singapura?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tentang kumpulan maklumat itu, oleh kerana kebanyakan pelajar-pelajar yang pergi belajar ke Singapura adalah atas kelulusan keluarga atau mereka sendiri masing-masing, jadi sungguhpun kita hendak mengumpul maklumat itu, tetapi memang Kementerian Pendidikan akan hadapi beberapa kesulitan dari segi kita tidak boleh paksakan ibu bapa atau keluarga tersebut hantarkan atau minta izin sebelum mereka hantar anak-anak mereka ke Singapura, kerana itu bukanlah amalan sistem kita. Kita ada satu sistem yang terbuka yang menggalakkan pelajar-pelajar kita pergi mana-mana sahaja kalau mereka boleh dapat ilmu, boleh dapat kemahiran, itulah sistem kita. Sebaliknya, kita hendak bersaing dengan negara-negara tersebut, kita kena wujudkan satu sistem yang cemerlang supaya kita boleh tarik pelajar-pelajar mereka ke negara kita. Jadi, susahlah kita kumpul data. Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat ada satu cadangan yang kita boleh timbangkan, Kementerian Pendidikan akan amat menghargai cadangan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sistem kita tidak cemerlang?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Bukan, sistem kita cemerlang malah ramai pelajar luar negara yang sedang mengikuti kursus di negara kita, tetapi memang di antara 20 juta

penduduk di Malaysia ada ibu bapa tertentu yang rasa mereka ingin hantar anak-anak mereka ke negara-negara lain untuk mendapatkan pendidikan. Itu hak mereka dan kerajaan dari segi dasar tidak menghalang.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan, biasanya pihak kerajaan ada menyimpan rekod pelajar-pelajar di luar negeri, biasanya kalau kita menyoal apa-apa kepada pelajar kita yang ada di Australia, US atau Amerika, pihak kerajaan akan dapat memaklumkan jumlah yang ada. Apakah masalah yang mungkin timbul apabila kerajaan menyediakan rekod-rekod ini daripada pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di Singapura?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja untuk Singapura, untuk negara-negara lain seperti Australia, Amerika Syarikat dan sebagainya. Selain daripada pelajar-pelajar yang ditaja oleh kerajaan, pelajar-pelajar yang pergi ke sana atas urusan mereka sendiri Kementerian Pendidikan menghadapi kesulitan dalam usaha kita mengumpul data-data. Namun demikian, kita akan terus bekerjasama dengan pihak-pihak yang lain seperti Jabatan Imigresen dan sebagainya. Kalau bolehlah kita adakan rekod-rekod berkaitan dengan warganegara yang berada di negara-negara tersebut dengan tujuan untuk mendapat pendidikan. Saya rasa itulah satu cara yang kita boleh gunakan. Sungguhpun demikian, Kementerian Pendidikan tidak ada kuasa paksaan terhadap setiap pelajar berada di luar negara untuk mengisi borang dan hantar kepada Kementerian Pendidikan.

## **BANDUAN - PECAHAN MENGIKUT KAUM**

4. **Tuan Low Kai Meng** minta menteri Dalam Negeri menyatakan dari segi jumlah banduan dalam penjara, kaum apakah mempunyai peratusan yang paling tinggi. Apakah peratusan rakyat asing di dalam penjara.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan perangkaan sehingga 10 Mei 1997 jumlah banduan di seluruh penjara di negara ini ialah seramai 23,508 orang. Peratusan banduan warganegara asing dalam penjara ialah 22.18 peratus.

**Dr. Yeow Seng Huat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adalah adakah rancangan kerajaan untuk menghantar balik banduan asing ke negeri masing-masing.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, memang mereka wajib dihantar balik selepas mereka telah tamat tempoh hukumannya di penjara, bukan sahaja banduan tetapi semua pendatang tanpa izin yang lain di depot-depot imigresen tetap akan dihantar balik ke negara mereka secepat mana yang boleh.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya mengapakah banduan ini perlu menjalani hukuman di sini dan tidak terus dihantar balik?

**Dato' Ong Ka Ting:** Banduan warganegara asing ini merupakan penjenayah. Sebagai contoh katakan, dengan izin, serial rapist ini, kalau kita tidak hukum dia dan hantar dia balik nanti lagi teruk dia akan teruskan kegiatannya di negaranya atau dia akan balik semula ke sini dan lakukan lagi banyak jenayah. Jadi penjenayah ini kita tidak boleh lepas, kena dihukum seberat-beratnya.

**Tuan Ibrahim bin Daud:** Soalan tambahan. Saya hanya hendak tahu pecahan bilangan kaum yang ada di dalam penjara.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan asal telah tanya pecahan kaum dan kerajaan rasa tidak sesuai kita heboh-hebohkan pecahan kaum ini di Dewan ini atau media massa. Walau bagaimanapun, sebagai satu gambaran keseluruhan

pecahannya lebih kurang macam masalah sosial. Kalau tengok pattern masalah sosial ia lebih kurang macam itulah.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Soalan tambahan. Berapakah perbelanjaan yang telah ditanggung oleh kerajaan untuk membiayai seorang banduan asing?

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, angka yang sangat tepat saya tidak ada, cuma dia macam banduan yang lain seperti makanan harian setiap banduan. Selain daripada itu - kalau kita hendak kira betul-betul ia ada kos yang lain, maintenance kos penjara - kalau nak kira semua kakitangan yang melibatkan diri dalam penjara, jadi tidak dapat saya bagi spesifik. Kalau minat saya cuba pada masa akan datang.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Soalan tambahan. Pihak kerajaan tidak dapat mengemukakan pembahagian banduan mengikut kaum. Bolehkah kerajaan menyatakan pecahan mengikut lelaki dan perempuan?

**Dato' Ong Ka Ting:** Sebenarnya bukan kerajaan tidak dapat bekalkan ikut kaum, saya kata tadi kita tidak bercadang untuk menghebohkan. Sebenarnya ada perangkaan itu. Dari segi banduan lelaki dan perempuan, daripada 23,000 lebih jumlah banduan, kira-kira 800 adalah wanita. Maknanya kebanyakan masih lelaki. Nampaknya lelaki kita kena jaga-jaga.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menentukan pendatang-pendatang dari luar ini bukan terdiri daripada penjenayah-penjenayah yang telah dikena tindakan di negara masing-masing.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, pendatang-pendatang dari luar ini kalau mereka masuk secara teratur kita boleh kawal iaitu semua penjenayah atau mereka

yang tidak diinginkan memang nama, nombor pasport, nombor kad pengenalan dan thumb print semua kita masukkan dalam semua komputer di semua pintu masuk. Yang jadi masalah ini mereka menyusup masuk secara tanpa izin, inilah masalah susah kita hendak tahu, tetapi sebaik sahaja kita dapat tangkap mereka pada masa kini selepas berkuatkuasanya Akta imigresen yang baru, kita bukan sahaja menghukum mereka tetapi mengambil cap sepuluh jari mereka, bukan ibu jari sahaja. Semua masuk dalam komputer dan selepas dia disenaraihitamkan susah sangat untuk mereka masuk semula kalau ikut pintu-pintu masuk yang sah.

**Tuan N. Marimuthu:** Soalan tambahan. Apakah rancangan atau langkah-langkah diambil oleh kementerian di luar penjara untuk memberi pekerjaan kepada banduan Malaysia dalam penjara di Malaysia, bukan banduan asing?

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, mamang apabila mereka berada di dalam penjara latihan vokasional memang diberi kepada mereka terutamanya banduan-banduan yang sebelum mereka keluar - boleh dikatakan setiap banduan diberi latihan. Kalau mereka hendak dapatkan pengesahan atau sijil daripada penjara pun kita bagi. Tetapi masalahnya ialah social stigma, kadang kala majikan di luar ini tidak berapa ingin hendak ambil mereka untuk bekerja. Dalam pada itu pihak penjara atau kerajaan pada masa ini sedang menggalakkan orang ramai untuk menyokong satu persatuan iaitu ex-prisoner punya kelab dan satu lagi kelab di mana orang biasa boleh jadi ahli untuk jadi sahabat yang baik dengan kelab ex-prisoner ini supaya membantu mereka dalam menyelesaikan masalah yang mereka hadapi apabila mereka keluar dan balik ke pangkuan masyarakat.

## **BANJIR KILAT - PUNCA DAN LANGKAH MENGATASI**

**5. Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah kementerian sedar bahawa salah satu punca terjadinya banjir kilat dengan mudah adalah kerana sistem perparitan dan aliran sungai-sungai kecil yang tidak dijaga secara

sistematik. Apakah langkah-langkah jangka panjang pihak kerajaan bagi menentukan masalah ini terkawal.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang sedar bahawa salah satu punca yang menyebabkan keadaan banjir kilat di negara ini ialah penyelenggaraan sistem perparitan dan saliran sungai-sungai kecil yang kurang memuaskan dan tidak dikendalikan dengan sistematik. Di samping itu pembangunan yang pesat di kawasan tadahan dan menyebabkan sistem perparitan yang sedia ada tidak berkeupayaan untuk menampung peningkatan kadar aliran sungai. Masalah ini bertambah buruk lagi berikutan daripada amalan penduduk-penduduk yang membuang sampah sarap ke dalam sungai-sungai dan sistem perparitan.

Bagi menangani masalah bajir kilat yang sering berlaku terutamanya di bandar-bandar kerajaan telah dan akan mempergiatkan lagi langkah-langkah berikut:

- (i) Menyediakan pelan induk saliran terutamanya bagi bandar-bandar utama. Setakat ini pelan induk saliran bagi 23 buah bandar telah pun disiapkan manakala penyediaan bagi pelan induk bagi enam buah bandar lagi sedang dalam pelaksanaan.
- (ii) Melaksanakan langkah-langkah struktur seperti pembinaan empangan, kolam takungan, pembesaran dan pendalaman sungai-sungai dan parit-parit utama.
- (iii) Memasang sistem amaran banjir di kawasan-kawasan yang sering dilanda banjir kilat.
- (iv) Melancarkan program peningkatan kesedaran di kalangan penduduk-penduduk seperti kempen 'Cintai Sungai Kita'.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Soalan tambahan, saya tertarik dengan penjelasan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai amalan penduduk-penduduk dalam konteks sungai dan parit-parit. Kita negara seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri maju tetapi cara hidup agak jauh ke bawah. Konteks ini dapat kita guna dalam soal kebersihan sungai. Kita ada kempen Cintai Sungai Kita, tetapi tidak ada 'Cintailah Parit'. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya berkesempatan melawat Vietnam bersama rombongan Lembaga Tembakau Negara, saya

melihat penduduk rakyat Vietnam jauh lebih miskin daripada Malaysia, di kampung-kampung rumah bersih, kawasan bersih, parit bersih, jalan bersih semua bersih sedangkan di sana tidak ada ‘Cintai Parit’, ‘Cintai Sungai’, jadi apakah langkah-langkah untuk kita mengatasi atau melihat sungai dan parit kita bersih, kalau boleh lebih bersih daripada Vietnam?

**Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Memang berbagai-bagai ikhtiar telah diadakan bagi kita mengatasi masalah kekotoran sungai terutama kita melihat lembah Kelang sendiri pelbagai usaha termasuk mesin untuk pembersihan juga telah digunakan, tetapi sepintas lalu lawatan-lawatan rasmi biasanya dibawa ke tempat-tempat yang bersihlah, tapi mungkin Yang Berhormat Dato’ juga dibawa ke tempat-tempat yang elok.

Tetapi, sebagaimana kita tahu sebelum kita merdeka, sungai-sungai di Malaysia bersih, parit-parit di Malaysia bersih, sebab orang kita susah, tidak ada plastik masa itu, tidak ada tin-tin kosong, kita hanya pakai daun-daun sahaja seperti daun pisang dan sebagainya. Jadi, kita terlalu miskin sehingga tidak ada sampah. Masa itu sampah tidak jadi masalah, tetapi bila kaya-raya, senang lenang ini, jadi, salah satu masalah besar ialah banyaknya pembuangan sampah.

Jadi, kementerian saya berharaplah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya dapat mengambil ‘anak angkat’ sungai-sungai, parit-parit supaya dapat kerjasama berkempen, kita menjaga kebersihan sungai kita supaya sentiasa bersih dan juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kalau ada yang datang daripada luar negara, yang hendak melawat Malaysia bawalah mereka ke tempat yang bersih sebagaimana mereka membawa kita di sana.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, tadi semasa Yang Berhormat Dato’ menjawab bahawa langkah-langkah yang akan



diambil termasuklah mengadakan pelan induk dan pelbagai lagi. Saya dapati masalah aliran sungai dan masalah banjir ini banyak menimbulkan masalah kepada rakyat miskin terutama sekali penduduk di rumah murah. Kita tahu apabila berlaku banjir, dia juga melibatkan hakisan sungai dan ini menyebabkan keretakan tanah-tanah dan mungkin merbahaya kepada penduduk.

Jadi, masalah pelan induk ini, saya rasa perkara ini perkara sudah lama, pada mula kita hendak merancang membina bandar dahulu pun memang pelan induk sudah ada. Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk membayar pampasan, ganti rugi kepada penduduk yang terlibat dan kita tahu pembangunan di dalam bandar ini lebih menguntungkan kepada pihak pemaju. Jadi, orang yang mendapat faedah daripada pembangunan tidak dihukum apa-apa, rakyat yang susah yang menderita. Apa pandangan kerajaan dalam masalah ini?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, diucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang kita ketahui, hakisan berlaku di pinggir-pinggir sungai atau di pinggir-pinggir saluran. Kebiasaan ini adalah terdiri daripada penduduk-penduduk setinggan yang mendiami secara illegal, secara tidak sah. Jadi, sebab itu bantuan pampasan mungkin menimbulkan masalah.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Saya kurang bersetuju dengan andaian untuk penduduk setinggan. Kita tengok di Klang Valley, di kawasan Shah Alam, banyak orang membeli rumah yang memang bandaraya sudah sahkan dan mereka juga mengalami masalah banjir. Ini banjir yang tidak tentu arah, satu masa dahulu tidak pernah banjir, bila sudah membangun ada banjir.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab tadi untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat kebanyakan yang saya kata, saya tidak mengatakan semua 100%. Jadi, kebanyakan projek-projek perumahan yang terlibat sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat memang kementerian mengambil perhatian. Benteng-benteng dibina dan majlis-majlis perbandaran telah mengambil tindakan, tetapi kebanyakan sepanjang sungai dia ada dua rantai, reserve sungai itu, tidak boleh diduduki, tidak boleh didiami dan sebagainya.

Baru-baru ini Kabinet telah bersetuju mengarahkan supaya pembangunan masa depan hendaklah diambil tindakan, reserve sungai itu hendaklah dipastikan dan mana-mana yang tinggal di tepi sungai sekarang, hendaklah kerajaan-kerajaan negeri mencari tapak-tapak baru memindahkan mereka supaya laluan sungai itu dapat dijaga. Tetapi walau bagaimanapun, di bawah Jawatankuasa Bencana Alam - Banjir sentiasa memberi bantuan kepada mereka yang terlibat.

**Datin Hajah Wan Intan binti Wan Ahmad Tajuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu soalan untuk dikemukakan kepada Yang Berhormat Dato'. Saya tertarik dengan kata-kata Dato' tadi masa dahulu kala air sungai semua bersih kerana tidak ada plastik, sampah sarap dan lain-lain. Tetapi, saya rasa Yang Berhormat Dato' terlupa, ada satu sungai masa saya kecil dahulu, warnanya seperti teh susu sampailah sekarang ini lebih daripada teh susu iaitu Sungai Klang, apa sebabnya Dato' kita tidak dapat mengatasinya?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya jelaskan tadi, bila sampah sarap terlalu banyak, warna air itu akan bertukar.

Yang kedua pula, mungkin salah satu 'air teh susu' ini akibat pembangunan bukit-bukit sekitar di sepanjang sungai yang berkenaan. Ini yang selalu berlaku, tetapi walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa walaupun pelan induk 23 buah bandar telah siap, tetapi ianya menelan belanja yang amat besar. Sesuatu pembangunan saluran seperti parit dan sebagainya memerlukan berbillion ringgit. Jadi, sebab itulah kita terpaksa menyediakan peruntukan tahun demi tahun dan insya-Allah sebelum tahun 2020 pembangunan parit, sungai, kita akan dapat modenkan.

### **JALAN RAYA TANPA TOL KURANG MEMUASKAN - MENAIKTARAF DAN JUMLAH KOS**

6. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar jalan raya Persekutuan tanpa tol dalam keadaan kurang memuaskan dari Kuala Lumpur ke Butterworth. Apakah rancangan kementerian untuk menaiktaraf jalan raya tersebut dan apakah jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan bagi tujuan tersebut.

#### **Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Tuan Yong Khoon Seng]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sedar tentang ada beberapa bahagian tertentu jalan raya Persekutuan dari Kuala Lumpur ke Butterworth yang berada di dalam keadaan yang kurang memuaskan.

Di atas kesedaran ini sebanyak RM15 juta telah diperuntukkan bagi maksud menaiktaraf bahagian-bahagian jalan berkenaan seperti berikut:-

- (i) menaiktaraf di Laluan I Jalan Tanjong Malim ke Bidor, peruntukan diberikan RM5 juta;
- (ii) menaiktaraf di Laluan I Jalan Tapah-Gopeng - peruntukan juga sebanyak RM5 juta;
- (iii) menaiktaraf Laluan I Jalan Changkat Jering ke Taiping - peruntukan RM5 juta.

Untuk makluman lanjut, program-program yang telah diluluskan serta pecahan perbelanjaan bagi program berkenaan seperti berikut:-

- (i) memperelok dan menaiktaraf bahagian-bahagian jalan Persekutuan yang sesak kepada 'dual carriageway', dengan izin, empat lorong dua hala terutamanya Laluan I yang menuju atau menghampiri bandar-bandar utama dengan kos sebanyak RM205.2 juta;
- (ii) memperbaiki sebanyak 200 kawasan merbahaya di Jalan Persekutuan dengan peruntukan sebanyak RM52.9 juta;
- (iii) menyelenggara dan menurap bahu jalan Persekutuan sepanjang 230 kilometer dengan kos RM4.6 juta dalam tahun ini. Lokasi jalan yang akan diturap di setiap negeri ditentukan dan dilaksanakan oleh JKR daerah.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, dengan keizinan Tuan Yang di-Pertua, sebab soalan yang saya hendak tanya ini berkenaan dengan jalan tanpa tol juga tetapi bukannya jalan dari Butterworth ke Kuala Lumpur, jalan daripada Bentong ke Bukit Tinggi ditutup setakat ini, jalan tanpa tol.

Jalan yang ada tol lebih baik lagi jalan yang tanpa tol ini. Sebab jalan daripada Bentong ke Kuala Lumpur, kalau Yang Berhormat pernah mengikuti jalan itu, barangkali tidak pernah, sebab tidak ada kena mengena Pahang dengan Yang Berhormat, kalau dilihat jalan daripada Bentong ke Genting sangat kecil, kadang-kadang dalam keadaan pembaikan. Kalau digunakan jalan tanpa tol adalah lebih baik lagi. Tetapi, mengapa dikenakan tol dan mengapa ditutup pula jalan tanpa tol? Ini yang saya risau, adakah pihak JKR tahu apa yang berlaku di sebelah Pahang dan di sebelah pantai timur?

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya pernah pergi ke Bentong sana membeli durian. *[Ketawa]* Jalan itu memang kurang memuaskan. Atas sebab kenapa jalan itu ditutup, saya pun belum pastilah, tetapi kita tahu kita akan mengambil langkah untuk memperbaiki jalan-jalan tanpa tol untuk rakyat jelata. Tidaklah bererti kalau ianya tidak ada tol, jalan tidak baik, kita telah berbelanja banyak untuk diberikan kepada jalan-jalan Persekutuan yang tidak bertol.

Saya mengucapkan terima kasih, saya pun selalu hendak pergi ke Pahang lagi kalau dijemput!

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, jalan yang kena tol ini tidak bolehkah kalau kita tidak usah mengenakan tol dahulu dan kalau sudah siap sepenuhnya jalan itu bolehlah dikenakan tol semua? Ini apa yang kita bayar ini sama ada untuk jalan yang baik atau hanya hendak bayar untuk melalui pintu tol sahaja?

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, jalan tol ini memang adalah satu jalan baru yang telah dibina untuk kegunaan pengguna-pengguna jalan raya dan juga untuk keselamatan dan juga untuk perkhidmatan dari segi penyelenggaraan kenderaan. Tetapi, saya tidak berapa faham bagaimana dikenakan tol untuk jalan yang belum dibuka lagi. Kalau jalan itu dikenakan tol, ini bermaksud ianya telah dibuka untuk pengguna-pengguna jalan raya. Jalan dari Genting itu untuk pergi ke mana yang tidak ....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, setahu saya, kalau hendak pergi ke Bentong, kalau Yang Berhormat boleh mengikut bersama-sama saya, saya boleh tunjukkan bagaimana keadaan jalan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak bolehlah ikut sekarang, selepas ini bolehlah!  
*[Ketawa]*

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Selepas ini pun boleh juga Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Demi untuk rakyat pada bila-bila masa boleh pergi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehlah selepas ini!

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah kerajaan sedar bahawa kerosakan jalan-jalan Persekutuan ini adalah berpunca daripada pembinaan jalan yang tidak berkualiti, itu yang pertama.

Yang keduanya, ianya berpunca daripada pembangunan agensi-agensi kerajaan seperti Telekom, JPS dan Tenaga Nasional Berhad dan lain-lain lagi. Adakah kerajaan mempunyai suatu perancangan yang bersepadu supaya kerja-kerja yang melibatkan agensi lain ini tidak berlaku, yang boleh menyebabkan pembaziran?

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja untuk servis lain atau perkhidmatan yang lain yang boleh merosakkan permukaan jalan memang berlaku di bandar-bandar tidak di jalan-jalan Persekutuan atau Laluan I. Apa yang berlaku di jalan itu adalah memang jalan lama dan kita perlu juga menyelenggarakan jalan ini setiap masa.

Saya ingat kerja-kerja memprbaiki jalan lama itu memang sentiasa dijalankan dan jalan ini memang adalah berlakunya kerosakan dari segi kalau ada hujan lebat dan pembangunan di sekeliling jalan, memang sedikit sebanyak akan memberi kesan yang buruk kepada jalan.

#### **KERACUNAN MAKANAN DI KANTIN SEKOLAH - TINDAKAN POSITIF PIHAK KEMENTERIAN**

7. **Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan positif yang dibuat oleh pihak kementerian terhadap pengusaha kantin sekolah, apabila berlaku keracunan makanan.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, pentadbir sekolah akan memberi amaran kepada pengusaha kantin sekolah sekiranya Jabatan Kesihatan telah mengesahkan terdapat keracunan makanan. Seandainya amaran tersebut tidak dipatuhi, kontrak pengusaha kantin tersebut boleh ditamatkan.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kantin-kantin sekolah ini beroperasi untuk memberi makan kepada anak-anak sekolah di mana anak-anak sekolah ini saya kira perlu diajar disiplin dan juga kebersihan yang terbaik. Adakah pihak kementerian bercadang untuk memberikan peraturan yang lebih ketat dan terperinci kepada kantin-kantin sekolah supaya mereka menggunakan pakaian seragam dan juga peralatan yang sesuai untuk anak-anak sekolah?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang sebelum pihak sekolah menawarkan kontrak kepada seseorang pengusaha yang tertentu, kita akan mengenakan syarat-syarat tertentu. Kementerian Pendidikan akan mengambil perhatian cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat supaya ianya boleh dikaji dari segi kemungkinannya dimasukkan ke dalam kontrak tersebut.

**Puan Hajah Rahaiah binti Baهران:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan. Tadi dikatakan bahawa penyiasatan akan dilakukan jika ada keracunan. Saya merasakan perlu ada sikap 'prevention is better than cure' di sini. Jadi, adakah kerajaan bercadang supaya mewujudkan satu kumpulan pegawai bagi melawat kantin-kantin dan menentukan bahawa kantin-kantin ini berjalan mengikut apa yang dikehendaki oleh kerajaan?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya setiap sekolah memang ada jawatankuasa tersebut iaitu Jawatankuasa Kantin Sekolah yang di antara tanggungjawabnya ialah menentukan bahawa segala syarat-syarat yang dikenakan

dipatuhi. Adalah menjadi tanggungjawab guru besar ataupun pengetua dan guru-guru supaya membuat siasatan dan selalunya memberi nasihat supaya pengusaha kantin tersebut mengikut bukan sahaja dengan syarat-syarat yang dikenakan, tetapi menggunakan peraturan-peraturan yang boleh menjadi sebagai contoh kepada pelajar-pelajar iaitu mereka menikmati satu keadaan yang kita rasa elok dan selesa dalam kantin tersebut.

### **TEBAKAU DARI LUAR NEGARA - CADANGAN MENGIMPORT**

**8. Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk mengimport tembakau dari luar negara, kerana kos pengeluaran tembakau tempatan amat tinggi berbanding dengan kos pengeluaran di negara lain seperti contoh-contoh berikut:

- |       |          |            |
|-------|----------|------------|
| (i)   | Brazil   | RM4.40/kg  |
| (ii)  | Canada   | RM6.00/kg  |
| (iii) | India    | RM2.12/kg  |
| (iv)  | USA      | RM9.87/kg  |
| (v)   | Thailand | RM5.00/kg  |
| (vi)  | Malaysia | RM13.27/kg |

#### **Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Cik Siti Zainab binti Abu Bakar]:**

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, kerajaan membenarkan pengimportan tembakau untuk dua tujuan utama, iaitu:

- (i) untuk tambahan dan adunan dengan tembakau keluaran tempatan bagi pengeluaran rokok untuk pasaran tempatan pada nisbah purata 30:70 (import : tempatan)
- (ii) untuk pengeluaran produk tembakau dan rokok bagi pasaran eksport.



Oleh kerana kos pengeluaran tembakau tempatan adalah tinggi berbanding dengan kos pengeluaran di negara lain, tembakau keluaran tempatan tidak dapat dieksport dalam bentuk tembakau dan produk tembakau kerana tidak berdaya-saing dengan tembakau dan produk tembakau yang dieksport oleh negara lain. Justeru itu, demi menjaga kepentingan 21,658 orang penanam, 351 orang pengawet, 24,684 orang pekerja stesen dan 85,400 orang yang terlibat dengan pengilangan rokok dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan seperti pengangkutan, pengedaran dan lainnya, tembakau keluaran tempatan adalah digunakan sepenuhnya dalam pengeluaran rokok untuk pasaran tempatan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, akhir-akhir ini kerajaan telah membuat satu dasar mengurangkan rakyat merokok dan Kementerian Pendidikan sendiri akan menguatkuasakan larangan merokok di kawasan sekolah, dan bagi pelajar-pelajar yang berumur di bawah daripada 18 tahun.

Adakah kerajaan bercadang untuk mengurangkan pengeluaran rokok dan mengapakah kerajaan sampai sekarang ini masih bergantung kepada hasil daripada pengeluaran rokok? Tidakkah kerajaan mempunyai satu alternatif untuk membantu pengusaha-pengusaha dan penanam-penanam 'rokok' yang masih ada sekarang ini daripada menanam 'rokok' menanam tanaman lain?

**Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya pengeluaran rokok ialah di antara 18 bilion sehingga 19 bilion batang tiap-tiap tahun dan ini sudah banyak berbeza sebelum ini dari tahun ke tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita tahu industri tembakau yang bermula pada tahun 1959 berjaya membasmi kemiskinan dan menaikkan taraf sosio-ekonomi rakyat luar bandar terutamanya di negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis.

Tembakau juga merupakan satu industri raksasa yang membawa hasil berjuta-juta ringgit sehinggakan tidak ada kerajaan yang mampu mengharamkannya.

Di Malaysia tidak dapat dinafikan bahawa industri tembakau telah memberi sumbangan kepada pembangunan sosail dan ekonomi negara, terutama kepada penduduk luar bandar di mana peluang ekonomi begitu terhad.

Untuk makluman Yang Berhormat, menjelang tahun 2010 di bawah skim CAPT yang akan dilaksanakan ke atas tembakau dan produk tembakau mulai 1hb. Januari, 2010, duti import ke atas tembakau dan produk tembakau adalah di antara 0% hingga 5% dan semua bentuk halangan bukan tarif akan dihapuskan. Oleh itu, dalam masa ini sehingga tahun 2010, kerajaan telah mengarahkan Kementerian Pertanian untuk mengkaji tanaman-tanaman lain yang sesuai dan berdaya maju bagi menggantikan tanaman tembakau di masa akan datang.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan percantuman tembakau import dengan tembakau tempatan akan melahirkan rokok yang baik. Bolehkah saya mendapat tahu daripada negara manakah tembakau yang enak dicantumkan dengan tembakau tempatan untuk melahirkan rokok yang enak?

**Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, memang kita akui tiada variety tembakau tempatan yang benar-benar sesuai untuk iklim tropika Malaysia. Iklim tropika dapat menghasilkan tembakau 'filler', manakala iklim 'template' atau 'sub-template' menghasilkan tembakau jenis 'flavour'.

Negara-negara yang mengeluarkan tembakau 'filler' dan 'flavour' adalah seperti berikut:

Filler style- termasuk Malaysia, Filipina, Indonesia, Thailand, Republik Rakyat China dan India.

Flavour style -ialah Amerika Syarikat, Brazil dan Zimbabwe.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Zainal bin Md. Deros.

Soalan Nombor 9 ya.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan Nombor 9.

### **PERUBATAN TRACISIONAL CINA (SINSEH) - JUMLAH**

**9. Tuan Hanipah bin Ahmad [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kedai perubatan tradisional China (sinseh) di negara kita; dan
- (b) betulkah ada sesetengah kedai sinseh ini menjual ubat perangsang seks sebagai usaha untuk melariskan jualan ubat-ubatan mereka; dan jika benar apakah tindakan yang akan diambil terhadap yang terlibat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dalam negara ini terdapat lebih kurang 3,000 kedai ubat tradisional Cina yang menjalankan perniagaan penjualan ubat-ubat tradisional, ubat-ubatan pharmaceutical dan barangan lain. Kedai-kedai ini tidak memiliki lesen racun yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan di bawah Akta Racun tahun 1952, oleh itu kedai-kedai ini tidak dibenarkan menjual ubat-ubatan yang mengandungi racun berjadual termasuk produk untuk merangsang seks yang biasanya mengandungi adornic hormon, dengan izin dan bahan-bahan yang dikawal di bawah akta ini.

- (b) Dakwaan setengah kedai sinseh ini menjual ubat perangsang seks sebagai usaha untuk melariskan jualan ubat-ubatan mereka adalah tidak benar. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan sentiasa mengawasi penjualan ubat-ubatan oleh kedai-kedai ubat tradisional Cina untuk memastikan ubat-ubatan yang mengandungi racun berjadual tidak dijual oleh pihak yang tidak bertauliah sebagai satu langkah untuk melindungi keselamatan orang ramai.

Dalam tahun 1996 Unit Penguatkuasa Farmasi Kementerian Kesihatan telah menjalankan serbuan di bawah Akta Racun ke atas 706 premis yang tidak berlesen, 285 premis didapati memiliki ubat-ubatan racun untuk jualan tanpa lesen. Sebanyak 3,212 perkara yang bernilai RM640,000 telah dirampas. Tindakan undang-undang akan diambil ke atas mereka yang terlibat.

**Tuan Janggu Anak Banyang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Kesihatan sedar selama ini kita melihat pelancong-pelancong dari negara China datang ke negeri kita ini menjual ubat yang mengandungi racun, adakah ia terkawal atau apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian Kesihatan?

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, semua ubat yang termasuk ubat-ubat tradisional memang kita mahu daftar dengan pihak berkuasa - drug control authority. Ubat-ubat yang tidak didaftar dalam itu kita tidak benarkan untuk dijual di sini.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapati sekarang ini banyak pihak yang membuat jualan terus menjual

ubat-ubat sama ada ubat-ubat tradisional ataupun ubat-ubat yang berbentuk kimia. Bagaimanakah kita sebagai pengguna atau pembeli dapat memastikan bahawa ubat-ubat ini telah pun mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan dan adakah mereka ini mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan mengenai ubat-ubat yang mereka jual ini?

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, pendaftaran ubat-ubat tradisional bermula pada 1hb. Januari, 1992 dan sebanyak 15,435 permohonan telah diterima. Pihak berkuasa kesihatan daerah (KD) telah memproses sebanyak 6,000 permohonan ini dan bakinya dijangka akan diselesaikan pada akhir tahun 1997. Walau bagaimanapun, kementerian ingin menasihati orang ramai supaya berhati-hati apabila membeli ubat-ubatan dan mendapatkan nasihat ikhtisas sekiranya mempunyai apa-apa persoalan mengenai ubat-ubatan, perkara ini boleh dilihat informasi dalam botol atau sebagainya ada mendapat kelulusan dari pihak yang berkuasa mengenai ubat-ubat yang dijual di sini.

#### **GIRO DI BANGUNAN PARLIMEN - MENEMPATKAN**

**10. Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Kewangan menyatakan bilakah Bank Simpanan Nasional akan meletakkan mesin pengeluaran wang 'GIRO' di Bangunan Parlimen untuk memudahkan semua kakitangan, ahli-ahli Parlimen dan pelawat-pelawat. Jika ya, bila dan jika tidak mengapa.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, Bank Simpanan Nasional (BSN) telah memasang sebanyak 586 mesin pengeluaran wang GIRO di seluruh negara berasaskan permintaan dan viabiliti perniagaan mengikut kriteria berikut:

- (i) bilangan urusan melebihi 100 transaksi setiap hari;
- (ii) jumlah penduduk atau pengguna melebihi 2,500 orang; dan

- (iii) kedudukan berhampiran di dalam kawasan kompleks pejabat kerajaan, kilang, kompleks beli-belah, kem-kem tentera dan institusi pengajian tinggi.

Mengenai pemasangan mesin ATM GIRO di Bangunan Parlimen, untuk kemudahan Ahli-ahli Parlimen dan 200 orang kakitangan, tidak termasuk pegawai dan pelawat semasa sesi Parlimen, BSN akan memberi pertimbangan sebagai satu kemudahan khas dan perbincangan lanjut akan diadakan secepat mungkin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk soalan Jawab Mulut telah tamat.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 29 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## **USUL**

### **UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI- PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur

dan terima kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kesembilan.” [14hb. Mei, 1997]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim sila sambung ucapan.

**3.43 ptg.**

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyambung perbahasan saya ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, petang semalam saya telah berucap mengenai pentingnya pendidikan sebagai proses untuk membentuk keperibadian seorang insan yang mana harus bermula secara formal dari sekolah rendah dan ianya tidak harus berhenti di sekolah, tetapi pendidikan dalam apa bentuk dan bidang terutama sekali pendidikan moral dan akhlak harus terus diadakan selepas sekolah iaitu apabila anak-anak sudah menjadi dewasa dan bekerja.

Bagi peringkat dewasa di tempat kerja dan di kalangan masyarakat, pendidikan moral harus diteruskan dan ini ada kaitannya dengan satu-satu kawasan tempat kediaman seperti kawasan perumahan. Sepertimana yang kita maklum, kerajaan berusaha meneruskan keadaan supaya kita mempunyai satu masyarakat penyayang dan perkara seperti ini memang mudah wujud di kalangan penduduk-penduduk di tempat yang kecil di mana selalunya mereka dapat berjumpa tiap-tiap kali mereka keluar dari rumah ke pekan dan seterusnya dan perasaan ataupun keadaan masyarakat penyayang ini wujud bukan sahaja di kalangan satu bangsa tetapi dari berbilang bangsa yang ada dalam satu kawasan.

Tetapi keadaan seperti ini mungkin sulit untuk wujud di tempat yang sibuk seperti di bandar raya terutama sekali, misalnya, di Bandaraya Kuala Lumpur. Selaras dengan kemajuan ekonomi dan peningkatan mutu kehidupan rakyat kita, kawasan perumahan dalam tiap-tiap kawasan yang ada pembangunan telah tumbuh seperti cendawan dan dikhuatiri keadaan sibuk dalam pembangunan ini akan menyebabkan rakyat lupa untuk berurus dengan jiran masing-masing dengan semangat masyarakat penyayang. Maka, di sini adalah perlu rakyat terutama sekali mereka yang tinggal dalam kawasan-kawasan perumahan yang sibuk diberi kemudahan dan juga dipupukkan semangat untuk terus bekerjasama dan muafakat dalam mewujudkan perpaduan dan dicadangkan supaya tiap-tiap kawasan perumahan yang mempunyai penduduk berbilang bangsa dan yang menjangkau satu paras jumlah penduduk yang begitu besar, mempunyai kawasan ataupun kemudahan untuk penduduk-penduduk di kawasan perumahan tersebut berinteraksi, beriadah, berbincang, berkenalan dan bersukan. Dengan adanya kemudahan seperti ini, saya percaya semangat masyarakat penyayang akan dapat dikekalkan. Mungkin perlu juga kemudahan yang sama diwujudkan di kawasan-kawasan perniagaan di bandar supaya kemudahan seperti ini akan dapat memudahkan rakyat untuk berhubung dan bantu membantu.

Tuan Yang di-Pertua, memang kemudahan seperti ini sudah ada diberi oleh kerajaan seperti Rukun Tetangga dan lain-lain lagi badan yang telah diwujudkan oleh terutama sekali Jabatan Kebajikan ataupun badan-badan perpaduan tetapi saya rasa pelaksanaan tiap-tiap badan ini perlu dikaji dari masa ke semasa dengan mengambil kira keperluan masyarakat dan juga kemajuan semasa. Pegawai-pegawai yang terlibat bahkan juga pekerja-pekerja yang berkhidmat dengan badan-badan sukarela yang mengurus



kemudahan-kemudahan yang ada hendaklah sentiasa diberi latihan dalam bidang kebajikan, perhubungan awam dan seterusnya untuk mengemaskinikan sikap dan minat mereka untuk memberi bantuan kepada rakyat menuju ke arah masyarakat penyayang.

Tuan Yang di-Pertua, kita bangga dengan kemajuan yang telah kita capai di Malaysia yang mana berteras kepada satu masyarakat yang adil, saksama dan penyayang. Maka, kita harus kekalkan semangat ini supaya kemajuan kita akan dapat terus dinikmati oleh rakyat tanpa sesuatu perkara yang tidak diinginkan berlaku di masa hadapan. Kenapa saya begitu mengambil berat tentang perkara ini adalah kerana, sebagai contoh, pernah dalam satu masa saya telah melihat dua kejadian di mana rakyat Malaysia - orang kita tidak dapat menunjukkan perasaan masyarakat penyayang. Sebagai contoh, pada satu ketika seorang pemandu kereta telah tersekat jalannya oleh kerana pemandu di hadapan berhenti untuk mengambil tempat letak kereta. Pemandu di belakang ini dengan tidak sengaja tertekan hon kereta, pemandu depan itu buka tingkap angkat tangan dan menunjukkan isyarat lucah dan ini menimbulkan kemarahan kepada pemandu di belakang dan timbullah satu suasana yang tidak senang. Selepas itu saya pergi ke satu tempat lain yang tidak jauh, seorang pemandu kereta telah meletakkan keretanya di tepi jalan dan dia berjumpa dengan parking attendant, dengan izin, bangunan tersebut untuk meletakkan keretanya sebentar di situ sementara memanggilkan sahabatnya di dalam bangunan tersebut dan parking attendant ini, dengan izin, tidak bersetuju dengan permohonan itu dan maka timbullah pertelingkahan sehingga parking attendant itu menyebut kata-kata yang tidak menyenangkan iaitu kata-kata yang lucah.

Jadi, apa yang saya ingin terangkan di sini kejadian ini berlaku di antara rakyat Malaysia yang tidak sama bangsa, maka ini jikalau tidak dikawal dan perasaan ataupun

semangat masyarakat penyayang tidak ditanam dengan benar-benar di kalangan rakyat Malaysia, saya khuatir keadaan seperti ini boleh menimbulkan satu kejadian yang tidak diingini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan di sini ucapan terima kasih saya kepada kerajaan kerana telah memberi peluang kepada rakyat Malaysia tidak kira keturunan dan dari negeri mana mereka datang untuk menyandang jawatan tertinggi dalam jabatan kerajaan berasaskan kepada kebolehan dan kemampuan pegawai-pegawai masing-masing. Baru-baru ini, sebagai contoh, seorang pegawai yang berasal dari negeri Sarawak telah dinaik pangkat dan dilantik menjadi Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan iaitu satu jabatan yang saya anggap sebagai penting, kalau tidak paling penting di Malaysia ini dan apa yang saya hendak terangkan di sini ialah usaha kerajaan untuk memberi peluang kepada semua rakyat tidak mengambil kira dari mana mereka datang. Jadi, sebagai rakyat Malaysia yang berasal dari Sarawak, saya merasa gembira dan bangga atas perlantikan pegawai tersebut.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam negara kita mencapai kemajuan terutama sekali dalam pembinaan bangunan-bangunan yang tinggi saya berharap kita tidak lupa menyediakan rakyat dengan sikap untuk bersedia, dengan izin, to face, apa-apa bencana alam yang akan timbul. Tidak lama dulu kita telah mengalami bencana alam seperti apa yang berlaku di Sabah dan yang ingin saya terangkan di sini ialah bencana alam seperti kebakaran kepada bangunan-bangunan. Kegiatan bomba adalah di bawah naungan jabatan Kerajaan Persekutuan dan di negeri Sarawak, sebagai contoh, di Kuching, kita mempunyai dua bandar yang dihubungi oleh satu jambatan yang melintasi satu sungai.

Jabatan Bomba terletak di Kuching Selatan manakala Kuching Utara tidak mempunyai Jabatan Bomba ataupun kemudahan bomba.

Dalam masa beberapa bulan yang lalu, beberapa kebakaran telah berlaku di satu kawasan perumahan teres dan juga satu kawasan perumahan berdekatan dalam jangka masa yang tidak berapa lama dan yang mendukakan, apabila kereta bomba sampai ke tempat itu, rumah itu sudah habis hangus dimakan oleh api kerana masa untuk bomba itu datang dari Kuching Selatan dan melintasi jambatan yang mana kadangkalanya jammed untuk sampai ke Kuching Utara. Jadi, saya berharap dalam kita mengejar kemajuan, kita juga harus bersedia dan menyediakan kansegala kemudahan untuk menempuhi bencana alam.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengundurkan diri, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kerana telah diberi untuk membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan dengan ini saya sudahi ucapan saya dengan menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, wassallam.

**3.44 ptg.**

**Tuan Ding Seling:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun dalam Dewan yang mulia ini bagi menyokong usul yang telah dibawa pada 12hb. Mei, 1997 oleh Yang Berhormat Senator Puan Kamalia binti Ibrahim di Dewan ini iaitu usul mempersembahkan suatu ucapan zahir dengan rasa kesyukuran dan menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan DiRaja Tuanku sempena merasmikan pembukaan Penggal Ketiga Parlimen Kesembilan pada 24hb. Mac, yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, beberapa perkara telah dipaparkan. Memang nyata ucapan DiRaja itu

amat lengkap dan merangkumi segala aspek yang diperlukan oleh negara kita ini. Titah Ucapan DiRaja amat sedar atas cita-cita rakyat jelata di seluruh pelosok negara Malaysia kita ini yang ingin, yang berhasrat dan yang mahu mengecapi serta menyertai pembangunan negara yang sedang pesat membangun. Kadar pembangunan yang melebihi 8% berturut-turut dalam masa hampir satu dekad, yang dicapai oleh negara kita amatlah membanggakan. Begitu juga kadar tabungan negara yang tinggi ditahap 38% dari keluaran negara kasar iaitu GNP, dengan izin, pada tahun 1996 menyakinkan rakyat semua bahawa negara kita ini sudah pun mempunyai keupayaan untuk mencapai Visi 2020.

Perkara-perkara lain ataupun keadaan-keadaan dasar yang dianggap sebagai keperluan asas tambahan, dengan izin, basic needs, untuk menentukan bahawa negara kita boleh terus mencapai sasaran pembangunan kita iaitu Visi 2020 ialah seperti keselamatan negara dalam keadaan stabil dan aman, politik dan kepimpinan yang berkaliber tinggi, polisi-polisi dan rancangan-rancangan kerajaan yang teratur, berpandangan jauh serta merangkumi pelbagai lapisan rakyat juga sangatlah meyakinkan.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya terpulanglah kepada proses pelaksanaan untuk menentukan taraf pencapaian pembangunan kita dalam tahun-tahun yang akan datang. Oleh yang demikian, selaku seorang anggota Dewan ini khasnya dan selaku seorang rakyat Malaysia yang mewakili golongan yang daif dan yang miskin dari luar bandar dan yang masih lagi ketinggalan dalam segala perkembangan sosio-ekonomi, saya ingin merakamkan sokongan penuh kepada pucuk pimpinan dan kerajaan kita dan dengan harapan bahawa kerajaan kita jangan lupa kami yang di hulu-hulu sungai, ingatlah kami yang jauh, ingatlah kami yang tidak boleh datang ke pihak-pihak yang berkuasa untuk

mendekati pihak-pihak berkuasa untuk mempersembahkan ataupun mengemukakan masalah-masalah kami. Kami dari yang jauh-jauh itu ingin memohon supaya dalam proses pelaksanaan itu nanti hendaklah ada kesesuaian pengubahsuaian supaya rangkaian-rangkaian, rancangan-rancangan yang begitu lengkap yang kita lihat dalam rancangan kita yang ada sekarang dan juga mungkin yang akan datang adalah sesuai untuk golongan-golongan yang belum lagi mendapat faedah dalam proses-proses pembangunan kita.

Saya mengatakan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, supaya pihak-pihak yang jauh itu janganlah menjadi, dengan izin, achilles' heel kepada negara kita supaya jangan ada perbezaan yang begitu jauh dalam pembangunan negara kita ini. Manakala kalau ada yang jauh sangat perbezaannya, tentulah mudah sekali bagi pihak luar negara kita akan membuat tuduhan-tuduhan yang liar seperti telah pun berlaku dalam masa-masa yang lampau.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh sedikit beberapa perkara yang lebih terperinci. Pertama sekali, saya ingin menyentuh perkara pendidikan. Walaupun perkara ini rakan saya yang sebelum ini pernah menyentuhnya, jadi saya juga ingin menyentuhnya kerana perkara ini adalah satu-satunya yang begitu dekat kepada hati saya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita sedia maklum, dasar dan polisi pendidikan negara memang lengkap dan sesuai untuk mendidik muda-mudi kita menjadi dewasa yang berguna menggantikan kita nanti. Saya hanya memohon kementerian berkenaan agar senantiasa insaf tentang wujudnya perbezaan-perbezaan asas ataupun basic differences di tempat-tempat tertentu dalam negara kita ini. Saya merujuk khasnya kepada negeri-negeri yang jauh dari Kuala Lumpur seperti Sarawak dan Sabah di mana kita lihat perkara

asas seperti elektrik belum lagi dibekalkan dengan sepenuhnya, maka dengan itu terdapatlah sekolah-sekolah yang tidak mempunyai bekalan elektrik, maka dengan itu secara langsung rancangan-rancangan kerajaan, kementerian khususnya untuk memberi pendidikan komputer misalnya tentu tidak akan berlaku. Saya minta supaya Kementerian Pendidikan bukan sahaja insaf mengenai aspek itu tetapi aspek-aspek yang lain yang mana budak-budak dari luar bandar secara tidak langsung disingkir dalam mendapat pendidikan yang sepatutnya. Dengan ini saya harap janganlah mereka dijadikan atau dimarginalisasikan atau dikeluarkan dari proses pendidikan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara mengenai pendidikan iaitu mengenai orang-orang dari luar bandar termasuk juga ibu bapa yang kurang mampu di bandar. Di luar bandar ramai ibu bapa yang tidak mampu untuk menghantar anak-anak mereka seperti ke universiti di Semenanjung ataupun di Sarawak. Baru-baru ini misalnya dalam masa tiga hari saya berada di Kuala Lumpur, saya telah menerima beberapa panggilan daripada ibu bapa yang mengatakan, 'bagaimana saya hendak hantar anak saya ke sekolah pada hal saya hendak membayar RM2,000, RM3,000 untuk ini dan termasuk juga tambang mereka untuk ke universiti mengikut pesawat'.

Perkara ini saya sebut, Tuan Yang di-Pertua, walaupun ini adalah tanggungjawab ibu bapa tetapi dari segi mempertingkatkan taraf kebolehan ibu bapa untuk menyara pelajaran anak mereka adalah satu perkara yang saya hendak kemukakan di sini supaya dalam proses kita membangun, mereka yang daif, yang miskin hendaklah diambil kira secara langsung. Di sini saya juga ingin ucapkan berbanyak terima kasih dan tahniah kepada pihak Kementerian Pendidikan, khususnya Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak yang telah membentuk Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. Saya

berharap tabung ini boleh diberitahu kepada mereka yang harus menikmati perkara ini nanti supaya mereka boleh tahu, bukan sahaja tahu bagaimana hendak memohon tetapi juga boleh memberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya ingin sentuh ialah mengenai pertanian. Saya sedar bahawa dasar merubah sektor pertanian untuk menjadikan pertanian sebagai pembekal makanan negara dan punca bahan mentah kepada industri itu sedang dilakukan. Perkara ini sangatlah dialu-alukan khususnya bagi kita dari luar bandar yang mana kebanyakan hampir seratus peratus orang kita adalah terlibat dalam pertanian. Tetapi dalam Dasar Pertanian Negara baru itu saya harap bukan sahaja sektor pertanian yang moden diambil kira tetapi mereka yang juga mengamalkan pertanian cara tradisi, cara yang usang juga diambil kira khusus. Misalnya orang-orang Dayak di hulu-hulu sungai Sarawak dan Sabah, mungkin juga Orang Asli di Semenanjung ini juga di mana cara pertanian mereka memanglah begitu tradisional.

Saya memohon supaya dalam Dasar Pertanian Negara itu dibentuklah satu package deal khas, dengan izin, supaya boleh merubahkan cara pertanian mereka itu demi membolehkan mereka mengeluarkan diri mereka dari belunggu kemiskinan, demi meninggikan produktiviti mereka supaya bukan sahaja dapat menyara hidup mereka, mungkin boleh menjadikan mereka masuk dalam arena komersial.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pertanian juga, saya ingin menyarankan bahawa negara kita memikirkan supaya ladang-ladang besar padi boleh dimulakan di negeri seperti negeri Sarawak. Saya menyebut perkara ini kerana saya lihat di tempat-tempat di mana ladang sawah padi besar yang wujud dahulu dalam tahun 60-an, 70-an makin kecil sekarang. Saya teringat di Province Walesly misalnya di mana masa sekolah dahulu,

masa belajar di Semenanjung ini, ada kumpulan kita pergi menuai ataupun membantu orang di sana secara sukarela tetapi sekarang ini tempat itu sudah pun dibangunkan dengan perumahan, bangunan-bangunan ada di sana, tidak ada padi lagi. Jadi, nampaknya proses ini adalah satu perkara yang mana orang-orang kita di Semenanjung ini menggunakan kawasan mereka dengan alternative uses, dengan izin, yang mana membawa pulangan ekonomi yang lebih tinggi.

Oleh itu, saya cadangkan supaya pengeluaran padi kita janganlah berkurangan, walaupun sekarang ini saya ingat lebih kurang 60% sehingga 80% self-sufficiency supaya kawasan yang besar di Sarawak, seperti di pantai atau lembah Sungai Baram, lembah Sungai Limbang, Simunjan dan banyak lagi yang didapati sesuai boleh digunakan, boleh diterokai untuk menanam padi. Saya rasa dari segi marketnya ataupun tempat-tempat kita boleh menjualkan padi kita itu memanglah masih ada luas, bukan sahaja market dalaman tetapi saya ingat di luar juga. Mungkin negara China ataupun Korea, bukan sahaja di North Korea tetapi tempat-tempat lain juga kita boleh mencari marketnya.

Jadi, saya cadangkan agar kerajaan khususnya Kementerian Pertanian lihatlah ke kawasan Sarawak dan Sabah untuk menanam padi oleh kerana kawasan-kawasan padi di Semenanjung ini semakin kecil. Saya rasa juga kalau menjual beras sahaja mungkin marketnya kecil tetapi kita boleh proseskan ke downstream menjadi mihunkah ataupun tepung beras, tepung padi yang boleh kita jual di negara Eropah ataupun di Afrika dan tempat-tempat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga saya ingin sentuh ialah mengenai perpaduan nasional. Perpaduan nasional adalah amat penting. Kita sedia maklum perkara ini adalah satu-satunya yang begitu penting dalam hidup kita di Malaysia ini oleh kerana kita adalah



dalam berbilang kaum. Saudara saya sebelum saya ini lagi sudah pun menyebut perkara ini, walau bagaimanapun saya ingin sarankan supaya perpaduan nasional demi untuk membentuk satu bangsa Malaysia di masa hadapan yang begitu berpadu ataupun bersatu, tidak mengira apa bangsa atau keturunannya hendaklah menjadi satu agenda yang begitu penting.

Saya sebut perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya rasa masih lagi usaha-usaha yang gigih perlu dalam aspek ini. Dalam penglibatan saya dengan rakan-rakan dalam Dewan yang mulia ini, termasuk juga di luar, banyak pengetahuan yang sepatutnya ada pada kita mengenai satu-satu kaum ataupun ethnic group belum lagi ada yang secukupnya pada kita. Kita harus mengetahui tentang cara hidup, budaya dan etika pemikiran sesuatu kaum itu barulah kita boleh menyesuaikan diri dari segi pertuturan dan juga perhubungan secara damai dalam hidup kita seharian.

Oleh yang demikian, saya ingin cadangkan agar badan-badan sukarela dan juga pelajar-pelajar membuat lawatan di tempat-tempat tertentu, tempat-tempat seperti dari Sarawak ke Semenanjung ini dan dari Semenanjung juga ke Sarawak. Untuk memudahkan perkara itu, saya rasa elok juga kementerian-kementerian seperti Kementerian Pendidikan membuat rancangan khas supaya perhubungan ada di antara muda-mudi kita dan melalui perhubungan seperti itu mereka boleh mempelajari mengenai satu sama lain supaya apabila nanti mereka menjadi pemimpin kita, menjadi orang tua kita di masa hadapan, maka perhubungan di antara mereka pun elok dan juga kerja-kerja adalah begitu lancar.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat yang ingin saya sentuh ialah mengenai rasuah. Beberapa rakan saya yang sebelum ini telah pun menyebut perkara ini.

Saya ingin menyokong apa yang mereka telah katakan, kerana rasuah ini bukan sahaja seperti yang mereka katakan sebagai barah dalam hidup kita, dalam masyarakat kita, mungkin juga kita boleh samakannya sebagai api yang menjilat masyarakat kita, seperti api yang menjilat satu bangunan, api tidak pernah mengatakan ‘cukuplah saya tidak mahu bakarkan semua ini lagi’. Tetapi api akan menjilat bangunan itu sehinggalah bangunan itu runtuh, baik bricknya, batu-batanya dan lain-lain akan hancur. Maka boleh kita katakan kalau rasuah tidak dibanteraskan, tidak dikawalkan dalam negara kita ini mungkin kesan-kesan yang buruk akan berlaku nanti.

Kita sedia maklum dalam sejarah kerana kita melihat dalam sejarah-sejarah tamadun yang lampau, kita pun lihat bahawa antara sebab-sebab pentingnya tamadun mereka itu runtuh, telah lenyap sekarang ini adalah sebab-sebab keruntuhan etika dan adanya rasuah dalam masyarakat itu. Oleh yang demikian, saya ingin memberi sokongan penuh kepada apa yang telah pun diperkatakan oleh rakan saya, dan juga sokongan penuh kepada pihak-pihak kerajaan, pihak-pihak tertentu yang berusaha untuk mengawal satu disease ini, dengan izin.

Yang kelima, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh sedikit juga ialah masalah sosial, masalah di kalangan murid-murid kita, muda-mudi kita. Saya ingin cadangkan di sini tanpa membahaskan perkara ini dengan panjang lebar, saya ingin mencadangkan supaya kita yang menjadi ibu bapa ataupun datuk budak-budak ini memberi pandangan yang khusus, kerana saya rasa kalau kita lihat dari segi penyelidikan ataupun uji kaji orang Barat satu daripada sebab terjadinya masalah sosial adalah kekurangan disiplin di rumah, bukan sahaja mendisiplin dari segi menentukan tingkah laku budak itu betul

ataupun diterima oleh masyarakat, tetapi dari segi perhubungan ibu bapa dengan mereka, dan kasih sayang antara ibu bapa sendiri termasuklah dengan anak-anak mereka di rumah.

Mengikut satu ujikaji yang pernah saya baca, lebih daripada 60% penyelesaian ataupun ubat untuk mengubati ataupun membaiki masalah sosial lebih daripada 60% adalah tanggungjawab di rumah. Oleh yang demikian, walaupun kita selalu menyeru kepada kerajaan, kepada pihak atasan untuk mengambil tindakan tertentu mengenai perkara ini, masalah dadah dan sebagainya, saya ingin menyeru juga supaya 'rumahku syurgaku' itu ataupun program itu hendaklah diambil dengan dijalankan, diuruskan, dilaksanakan dengan begitu penuh berhati-hati supaya ibu bapa di rumah benar-benar mengamalkan konsep-konsep, pemikiran-pemikiran yang ada dalam program itu dan mereka sendiri juga ambil berat tentang meresapi ataupun mengamalkan nilai-nilai kerohanian yang terdapat dalam agama masing-masing, agama Islam, agama Kristian dan lain-lain. Kerana nilai-nilai itu adalah begitu penting untuk memberi arahan ataupun saluran ataupun memberi keyakinan kepada anak-anak kita bahawa kita dalam rumah mempunyai nilai dan kita di luar rumah pun mesti mengikut nilai itu, dan kita lihat di sekolah pun nilai-nilai kerohanian itu diamalkan. Oleh yang demikian, saya ingin sarankan bahawa dari segi penyelesaian masalah sosial ini kita sebagai ibu bapa hendaklah mengambil berat tentang nilai dan amalan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya ingin sekali lagi menyokong Usul yang di bawa oleh Yang Berhormat Senator Puan Kamalia binti Ibrahim untuk menyembahkan ucapan kesyukuran dan menjunjung kasih kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin.

**4.21 ptg.**

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merakamkan Usul Menjunjung Kasih dan menyokong di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 24hb. Mac, 1997. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim kerana membawa kejayaan negara Malaysia ke mata dunia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Menteri Pendidikan Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, kerana kejayaan cemerlang pelajar dalam peperiksaan SPM yang diumumkan baru-baru ini. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya kepada semua warga pendidikan kerana kejayaan tersebut. Tanpa kesungguhan dan kerjasama warga pendidikan, tentu kejayaan tersebut tidak akan tercapai, dan wawasan menjadikan pendidikan negara kita bertaraf dunia pada abad ke-21 juga tidak akan tercapai jika guru-guru kita tidak bekerja kuat seperti yang diharapkan.

Di Dewan yang mulia ini, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan tentang kenaikan taraf sekolah menengah di Malaysia, iaitu bilakah Kementerian Pendidikan akan menaikkan taraf 100 buah sekolah menengah Gred B yang pelajarnya melebihi 1,200 orang kepada Gred A sebelum SSB diperkenalkan. Setelah diperakukan bahawa sekolah menengah Gred B yang pelajarnya melebihi 1,200 orang akan dinaikkan menjadi Gred A, adakah benar Suruhanjaya

Perkhidmatan Awam yang tidak mahu meluluskan permohonan Kementerian Pendidikan mengenai kenaikan gred sekolah ini. Jika benar, saya mohon jasa baik Menteri Pendidikan supaya perkara ini dibawa ke Kabinet sahaja. Saya takut jika tindakan segera tidak diambil, lebih ramai guru-guru kanan yang telah lama berkhidmat dan berpengalaman akan bersara lebih awal untuk berkhidmat dengan institusi pendidikan swasta.

Cubalah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian fikirkan, siapa yang sanggup terus menjadi guru di sekolah kerajaan jika setelah 20 tahun keluar daripada universiti masih belum diberi gaji super scale G seperti rakan mereka di jabatan kerajaan yang lain. Jika kita ingin memertabatkan guru-guru kita yang banyak berjasa kepada kita, gaji guru perlu dikaji semula. Jepun dan Singapura tidak menghadapi masalah kekurangan guru, kerana warganegara mereka ramai yang ingin menjadi guru yang diberi gaji lebih daripada kakitangan kerajaan yang lain. Saya berharap Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dapat membincangkan tentang perkara ini dengan terperinci.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai tanah simpanan untuk tapak sekolah pada masa akan datang. Berapa banyakkah tanah simpanan yang telah digezetkan untuk tapak sekolah di Malaysia pada hari ini mengikut negeri? Adakah keluasan itu mencukupi sehingga tahun 2020. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri di daerah Klang tidak ada tanah simpanan untuk tapak sekolah pada masa akan datang. Satu kawasan perumahan yang terbesar di Bandar Baru Klang dan satu kawasan lagi di sebelah Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, tanah simpanan untuk tapak sekolah telah dimajukan dengan

rumah kediaman dan kompleks perniagaan. Mengapa pihak Kementerian Pendidikan biarkan hal ini berlaku.

Satu lagi contoh yang boleh saya beri ialah sekeping tanah kosong seluas dua ekar milik negeri Selangor telah diperuntukkan oleh Pejabat Daerah kepada sebuah sekolah menengah di kawasan Kompleks Sukan Pandamaran. Sayangnya sehingga sekarang masalah pindah milik tanah tersebut belum selesai, kerana masalah bayaran yang dituntut oleh kerajaan negeri. Mengapa pihak Kementerian Pendidikan tidak mengambil tindakan segera, sedangkan pihak PIBG sekolah tersebut telah mohon tanah berkenaan untuk pembangunan sekolah anak-anak mereka sejak tahun 1989 lagi.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan jika sekiranya Kementerian Pendidikan tidak mengambil tindakan segera terhadap pemilikan tanah untuk tapak sekolah pada masa akan datang, saya khuatir rancangan Kementerian Pendidikan untuk mewujudkan sekolah satu sesi akan menjadi angan-angan sahaja. Kementerian Pendidikan harus peka dengan tindakan pemaju perumahan yang sentiasa mengambil peluang dan tindakan pantas terhadap sesuatu kawasan yang baru dibangunkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan pula saya memperkatakan tentang Indah Water. Iklan Indah Water dalam akhbar-akhbar tempatan begitu indah dan menarik sekali. Sejauh mana ketepatan iklan tersebut masih menjadi tanda tanya kepada pengguna. Caj yang dikenakan oleh Indah Water adalah tidak setimpal dengan perkhidmatan yang diberi. Jika Indah Water mengenakan caj atau bayaran mengikut bil meter air tentulah tidak adil, kerana bukan semua air yang digunakan oleh para pengguna dibersihkan semula oleh Indah Water. Saya berkeyakinan bahawa tidak sampai 10% air yang

diguna oleh isi rumah di Malaysia masuk ke tangki najis dan dibersihkan oleh Indah Water.

Oleh itu, saya ingin mengesyorkan kepada Indah Water supaya bayaran yang dikenakan sekarang ini dikaji semula walaupun ianya telah dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Kabinet. Adalah lebih elok jika Indah Water mengenakan bayaran setiap kali memberi perkhidmatan, seperti yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan sebelum ini, khususnya setiap kali mengepam dan membersihkan tangki najis bagi rumah-rumah yang tidak termasuk dalam sistem pemetungan berpusat. Saya berharap benar supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengkaji syor saya ini supaya semua rakyat mendapat keadilan dan rungutan-rungutan mengenai Indah Water akan berhenti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan mengenai undang-undang jalan raya yang tidak mebolehkan pihak JPJ atau polis mengambil tindakan terhadap pemandu-pemandu yang membawa muatan yang berlebihan ketika berhenti di tepi jalan raya sebelum sampai ke tempat sekatan atau pemeriksaan JPJ atau polis. Pada pengamatan saya adalah menjadi amalan biasa para pemandu lori yang mana muatan berlebihan had muatan sebenar akan memberhentikan lori di tepi jalan tanpa meletakkan sebarang tanda kecemasan apabila rakan-rakan mereka yang lain memberitahu mereka yang pihak JPJ atau polis sedang mengadakan sekatan jalan raya. Adakah benar undang-undang yang ada menghadkan kuasa JPJ dan polis untuk menyaman pemandu-pemandu lori berkenaan? Jika benar saya mencadangkan agar Kementerian Pengangkutan meminda atau menggubal undang-undang baru.

Di samping itu adalah diharapkan agar Kementerian Pengangkutan mengkaji juga tentang lori-lori hantu di tapak-tapak projek pembangunan terutama dari aspek lesen dan insurans lori berkenaan. Kita mungkin akan menghadapi pelbagai masalah kritikal jika berlaku sebarang kemalangan yang tidak diingini yang melibatkan lori hantu berkenaan. Siapa yang akan bertanggungjawab terhadap insiden yang berlaku kelak? Saya berharap benar pihak JPJ turut memeriksa kenderaan di tapak projek pembangunan selain daripada pihak Jabatan Tenaga Rakyat yang sentiasa memeriksa keselamatan di tapak-tapak projek pembangunan. Tuan Yang di-Pertua,....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagikah?

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk sekejap ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Msyuarat 6(3) saya menjemput Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki Kamaluddin mempengerusikan Majlis.

[Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin *Mempengerusikan Majlis*]

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Saya dengan ini menjemput Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin untuk meneruskan ucapannya.

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri atau lebih terkenal lagi dengan panggilan 'Menteri Pendatang Asing'. Yang Berhormat Dato' Megat Junid yang berjaya mempercepatkan permit pekerja-pekerja di bidang-bidang yang memerlukan tenaga pekerja. Kita memanglah tidak menggalakkan kemasukan begitu ramai buruh-buruh asing di negara kita ini disebabkan



masalah-masalah yang ditimbulkan oleh mereka. Tetapi kita juga tahu ini satu pendapatan untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua, antara sebab -sebab kelewatan penyiapan ini jika dikaji ialah:

- (i) Pusat penerimaan proses ini di Kuala Lumpur.
- (ii) Semua negeri menumpunya di Kuala Lumpur.
- (iii) Tempat membayar denda dan menguruskan hal permit berlainan tempat.
- (iv) Pegawai yang memberi penerangan mengisi segala dokumen tidak cekap. Berlainan dengan pegawai yang menerima borang penerimaan.
- (v) Masalah-masalah yang kecil yang boleh digunakan budi bicara pegawai penguatkuasa tidak digunakan.
- (vi) Kontraktor yang memohon untuk permit dalam pengambilan pada tarikh yang berkenaan terpaksa balik semula ke negerinya jika terdapat dokumen yang kurang lengkap.

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan pusatnya hanya di Kuala Lumpur, pemohon-pemohon begitu ramai, pejabat pengambilan pekerja asing ini hilang seri pejabatnya. Saya berharap pihak kementerian dapat mengkaji semula tentang sistem ini dan pegawai-pegawai yang terlibat biarlah mahir atau profesional. Kalau dapat dipulangkanlah ke negeri masing-masing yang terlibat dapatlah perkara ini dijalankan dengan lebih teratur dan kalau kekurangan maklumat pihak pemohon dapat menyelesaikan pada hari itu juga.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyentuh sedikit ucapan salah seorang sahabat saya Ahli Yang Berhormat mengatakan kadar sewa telefon bimbit sebanyak RM60 sebulan sewanya walhal kadar sewa telefon biasa hanya RM21 sebulan sahaja.

Kalaulah asal telefon bimbit ini berharga RM1000 lebih tetapi sekarang saya difahamkan dengan harga RM300 pun sudah boleh dapat satu. Kalau sudah harga RM1000 boleh turun ke RM300, mengapa tidak kadar sewa RM60 turunkanlah ke separuh harga pula?

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja ucapan saya, sekian terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Terima kasih saya ucapkan kepada Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin yang telah pun berucap di Dewan yang mulia ini. Saya dengan ini menjemput Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail dari Perlis.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Bismillahhir-Rahmannir-Rahim, Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya bersyukur kepada Allah dan ucap terima kasih dan tahniah kepada Dato' kerana diberi peluang untuk menjalankan tugas Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Terima kasih, Yang Berhormat pun boleh duduk di atas ini sementara.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Saya tak berapa berminat, duduk di atas tidak boleh bercakap. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucap terima kasih kerana berpeluang mengambil bahagian untuk membahas Usul Ucapan Terima Kasih ke atas titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong oleh Yang Berhormat Puan Kamalia Ibrahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba menyentuh banyak hal sepertimana yang terdapat dalam teks titah ucapan itu. Yang pertamanya saya ingin membawa kembali senario kedudukan negara kita. Sekarang ini negara kita telah pun mencapai tahap kemajuan yang amat membanggakan. Satu masa dahulu Malaysia dikenali sebagai

Persekutuan Tanah Melayu yang telah dicorakkan oleh penjajah terutama sekali pihak British, selepas itu kita dapat lagi rakan iaitu Sabah dan Sarawak termasuk Singapura yang pada akhirnya Singapura terpisah. Sejarah ini perlu dilihat sebab ia mempunyai kaitan dengan kedudukan kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam titah ucapan, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada menyebutkan dalam perenggan yang pertama berkenaan dengan keselamatan negara sentiasa berada dalam keadaan stabil dan aman. Namun demikian, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengingatkan supaya kita perlu sentiasa berwaspada. Dalam perkara keselamatan dan kestabilan negara kita ini kita perlu melihat peranan yang dimainkan oleh anggota keselamatan, parti-parti politik dan termasuklah rakyat secara umumnya. Pada masa-masa yang lepas kita kerap mendengar kejadian yang kadang-kadang...

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Yim minta laluan.

**Tuan Yim Chee Chong:** Terima kasih dan tahniah kepada Dato' menjadi Tuan Yang di-Pertua sementara untuk mempengerusikan sidang Dewan ini.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Terima kasih.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta laluan sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak pandangan saya tentang keselamatan negara. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita iaitu Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, beliau telah memberi sumbangan besar kepada negara kita ini untuk menamatkan pemberontakan Komunis di negara kita ini. Jadi sekarang negara kita ini aman, makmur dan maju adalah usaha besar Perdana Menteri kita yang akan tercatat namanya dalam sejarah Malaysia buat selama-lamanya.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Terima kasih Yang Berhormat Yim Chee Chong.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya nak jadi masa Soal Jawab, saya bukannya Setiausaha Parlimen atau Timbalan Menteri, walau bagaimanapun, sahabat saya Yang Berhormat Yim memang saya suka cara dia buat itu. Jadi saya rasa eloklah saya teruskan perbahasan saya dan Yang Berhormat Yim boleh memahami dalam masa saya membahaskan Usul ini nanti. Jadi...

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Jadi apa yang Yang Berhormat suka apa yang dibuat tadi?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Bukan fasal yang tadi sahaja, keseluruhan penglibatan Yang Berhormat dalam Dewan ini. Terima kasih Dato', terima kasih kepada Yang Berhormat Yim kerana mengingatkan dua perkara yang saya terlupa menyebut tadi iaitu sepanjang kemerdekaan Malaysia sejak tahun 1957 sehingga sekarang ini sudah hampir 40 tahun kita hanya mengalami dua peristiwa penting, dua peristiwa hitam yang membawa mesej yang sangat penting iaitu yang pertama ialah zaman darurat di mana kita terpaksa menghadapi Komunis yang tidak mahu berpakat dengan kita mencapai kemerdekaan secara aman dan mereka sanggup berjuang secara haram untuk mendapat kuasa dalam negara kita.

Yang kedua, peristiwa 13 Mei yang mana peristiwa ini sedikit sebanyak menjejaskan perhubungan perpaduan kaum yang tidak payah saya sebut punca-puncanya. Sebab itulah saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Yim tadi bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri salah seorang Perdana Menteri yang keempat yang telah berjaya mewujudkan suasana perpaduan dan keamanan sehingga seperti apa yang berlaku pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi perkara yang bersangkutan dengan keselamatan yang kadangkala mencurigakan rakyat. Ada peristiwa-peristiwa seperti yang disebut oleh sahabat-sahabat sebelum ini seperti kapal terbang, helikopter dan askar-askar kita yang belum lagi berlaku kemalangan sudah pun tewas di perjalanan. Ini adalah perkara-perkara pada anggapan saya adalah perkara-perkara biasa yang boleh berlaku disebabkan kecuaiian dan kelalaian manusia itu sendiri. Kalau kita meneliti jawapan Menteri

Pertahanan dan kalau kita baca laporan berkenaan dengan kedudukan askar-askar kita dan juga perkembangan-perkembangan angkatan tentera di negara-negara lain kita tidak perlu khuatir tentang apa yang berlaku itu, sebabnya kita dapati kebanyakannya kadang-kadang bila negara kita aman keadaan itu tidak memerlukan pemerhatian pihak-pihak yang berkenaan maka kita mengambil sikap tidak memberi perhatian. Kita sendiri pun kadang-kadang apabila keadaan sudah begitu selesa, rumah yang kita masuk pun kita tidak perlu kunci. Kenderaan kita tinggal di luar pun tidak perlu kunci.

Maka bila berlaku masa itulah baru kita rasa, begitu juga dengan angkatan tentera, kadang-kadangnya mereka sendiri ini kalau mengikut laporan begitu cuai, ghairah, seronok sehingga bila berlaku kejadian begitu, maka tertanya-tanyalah rakyat mengapa keadaan ini kerajaan biarkan berlaku.

Saya yakin penuh kerajaan telah membuat penelitian, kajian untuk membeli helikopter dan juga kapal terbang, sebab kelengkapan ini bukannya murah - mahal dan terpaksa membelanjakan wang yang begitu banyak dan kalau negara lain masih boleh mengguna jenis helikopter dan kapal terbang yang sama dan mengalami keadaan seperti yang berlaku itu paling sedikit, mengapa Kerajaan Malaysia sanggup menimbulkan soal-soal yang tidak perlu kita timbulkan seperti kapal terbang itu tidak boleh dipakai dan sebagainya? Saya percaya penuh hal ini tidak boleh menjejaskan kesanggupan angkatan tentera kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin mengingatkan kepada kerajaan dalam kehairahan kita melengkapkan angkatan tentera kita, jangan sekali-kali kita mempunyai perasaan ataupun ingatan untuk bersaing dengan mana-mana pihak. Kerajaan seharusnya melengkapkan kemampuan angkatan tentera kita semata-mata untuk menjaga keselamatan kita, sebab kalau kita membelanjakan wang dengan begitu banyak dalam

satu bidang yang berkemungkinan berlaku sesuatu, maka kita sudah membuat andaian yang sama dengan negara-negara yang ada kepentingan untuk menjual senjata. Apa yang berlaku di Eropah sekarang ini seperti negara Amerika, Jepun dan Perancis, mereka ini memang mencari helah, cuma ada setengah-setengah seperti di Asia Barat atau Timur Tengah, negara-negara ini tidak nampak mereka suka berkelahi, mereka suka bergaduh di antara satu sama lain, sebab mereka boleh membeli senjata-senjata daripada negara-negara Barat dan dengan demikian mereka boleh menjaga kepentingan orang-orang kaya di negara-negara itu yang ada hubungan dengan kapitalis di negara-negara Barat itu. Inilah yang saya ingin mengingatkan supaya kita tidak terperangkap dengan sikap negara-negara kapitalis di Barat seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengingatkan kerajaan dalam soal pertahanan ini, kita perlu memberi latihan dan didikan kepada generasi muda bermula daripada sekolah lagi. Saya minta maaf kerana terpaksa memberi contoh di Singapura, sekarang ini Kerajaan Singapura memberi latihan ketenteraan secara tidak langsung kepada penuntut-penuntut sekolah, sebab itulah rakyat mereka lebih berdisiplin dan kita tidak terperanjat kalau sekiranya berlaku sesuatu, Kerajaan Singapura bersama-sama rakyatnya lebih tahu apa yang hendak mereka lakukan. Kita tidak akan terperanjat kalau mereka mampu menangkis kemungkinan serangan-serangan yang akan berlaku.

Ini adalah kerana Kerajaan Singapura begitu memberi perhatian bukan sahaja di peringkat perancangan malah ke peringkat memberi kesedaran kepada rakyat mereka seperti yang saya sebutkan tadi. Oleh sebab itu, sudah sampailah masanya Kerajaan Malaysia juga hendaklah sentiasa memasukkan di dalam kurikulum bukan di peringkat sekolah rendah malah mula daripada peringkat tadika lagi, tetapi yang malangnya apa

yang berlaku sekarang ini pendidikan ala tentera itu hanya dimasukkan unsur-unsur ganas melalui media, televisyen dan sebagainya. Kalau kita perhatikan sekarang di dalam televisyen yang ada Astro, ada Mega TV, ada pula dengan video yang boleh kita beli, semuanya itu menanamkan semangat yang negatif, yang menggalakkan anak-anak ini bertindak ganas mencari benda-benda yang tidak bermanfaat. Dan saya nampak ini adalah satu tanda-tanda yang tidak sihat yang berlaku.

Sebab itulah didikan yang saya sebutkan tadi iaitu di sekolah dan media-media ini perlu kerajaan sekat daripada menyiarkan tayangan yang lebih banyak berunsur cerita ganas. Kalau mengikut analisa, peratusan siaran yang diberi ini ia lebih banyak mirip kepada ke arah mengkhayalkan dan membawa perkara yang negatif daripada perkara yang positif.

Dan paling malang sekali, kita boleh membuat kajian, berapa peratus daripada rakyat Malaysia yang mendengar berita yang memberi pengetahuan bersangkutan dengan perkembangan negara dan bersangkutan dengan pendidikan. Malah kalau kita perhatikan semasa berita itu disiarkan semua orang tutup TV, kalau ada pilihan dia akan membuka channel lain yang dia tak payah tengok berita. Inilah perkara yang berlaku sekarang ini yang kita tidak payah sembunyi-sembunyi lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan apa yang berlaku baru-baru ini seperti yang ditimbulkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu sikap akhbar-akhbar yang seolah-olah cuba memperjuangkan pihak yang cuba menjejaskan ketenteraman dan juga kestabilan negara kita. Saya ingin memetik satu rencana yang ditulis di dalam majalah *Massa* berkenaan dengan '*Guan Eng Tersalah Langkah*'. Saya hendak baca apa yang ditulis ini sahaja:

*“Tuan Lim Guan Eng dikatakan cukup hebat, sehebat bapanya Tuan Lim Kit Siang, Ketua Pembangkang di Dewan Rakyat yang cukup digeruni tetapi malangnya kehebatan kedua-dua anak-beranak ini kadangkala melampau batas susila, budaya masyarakat negara ini dan jika politik itu sendiri mempunyai batas susilanya pastinya kedua-dua ahli politik dari DAP ini telah menjuarainya. Keputusan Mahkamah Tinggi menjatuh-kan hukuman denda RM15,000 ke atas Tuan Lim Guan Eng setelah didapati bersalah atas dua tuduhan menerbitkan risalah yang mengandungi fakta-fakta palsu dan menghasut orang ramai pada 1995 berhubung isu bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim bin Tamby Chik paling tidak menggambarkan bahawa tokoh politik Pembangkang ini mangsa perbuatan dirinya sendiri. Tuan Lim Guan Eng mahu pun bapanya Tuan Lim Kit Siang memang terkenal dengan kelantangan mereka dalam menyuarakan isu-isu, baik untuk tujuan politik mahupun dalam menegakkan keadilan yang sering didakwa tidak berlaku di negara ini. Tindakan Tuan Lim Guan Eng menidakkan keputusan mahkamah bagi isu Tan Sri Abdul Rahim, diibaratkan mencabar institusi kehakiman, walaupun beliau sendiri mungkin sedar bahawa keputusan mahkamah jarang sekali boleh dicabar. Sebagai peguam Tuan Lim Guan Eng seharusnya lebih arif dan maklum tentang apa juga undang-undang di negara ini dan adalah mustahil beliau tidak tahu mengenai undang-undang yang membatasi tingkah laku beliau sebagai ahli politik”*



**Tuan Yim Chee Chong:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Minta laluan Yang Berhormat. Laluan jangan lama sangat, sekejap sahaja!

**Tuan Yim Chee Chong:** Baik! Tuan Yang di-Pertua, Tuan Lim Guan Eng sebenarnya beliau bukan seorang peguam, tetapi mengikut buku itu mengatakan beliau peguam, ini adalah menunjukkan ada kesilapan di dalam buku itu. Ayahnya peguam. Itu sahaja! Terima kasih.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya kata tadi saya baca apa yang ditulis dalam majalah *Massa* pertikaikan penulisnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung sedikit lagi, selepas itu baru saya akan huraikan.

**Tuan Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Saya hendak kesimpulannya daripada apa yang dibaca itu!

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Ya, sedikit lagi.

*“Kemungkinan statusnya sebagai Ahli Parlimen akan terlucut ekoran hukuman ke atasnya boleh diduga siang-siang lagi. Itu pun jika Tuan Lim Guan Eng tahu bahawa menyebarkan fakta palsu dan menghasut dilarang oleh undang-undang negara ini. Tuan Lim Guan Eng haruslah belajar ambil iktibar daripada pengalamannya kali ini meski pun bernaung di bawah parti Pembangkang. Tidak dinafikan beliau memang seorang ahli politik yang bijak dan lantang tetapi pada masa depan biarlah kebijaksanaan dan kelantangan itu bertempat, jangan memakan diri sendiri.”*

Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi petikan yang saya hendak baca di sini yang ada kaitan dengan perkara itu.

**Tuan Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Panjangkah atau tidak?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Pendek sahaja, kalau panjang pun tidak mengapa Tuan Yang di-Pertua, banyak hari lagi kita hendak bahaskan.

**Tuan Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Sebelum itu saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat ada saham dalam majalah ini?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tidak ada! *[Ketawa]*

**Tuan Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tidak ada!

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Saya hanya bercakap bagi pihak rakyat.

**Tuan Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Okay, teruskan!

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak sebut ini ialah berkenaan dengan ‘tip undang-undang’ iaitu penerbitan berniat jahat. Sebarang hasil penerbitan yang berniat jahat dengan menyiarkan berita tidak benar dan palsu, pencetak, penerbit, penyunting dan penulis berita itu boleh dihukum penjara sehingga tiga tahun atau denda tidak lebih RM20,000 atau kedua-duanya sekali mengikut seksyen 8A(i) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Satu lagi melakukan fitnah, mengikut seksyen 500 Kanun Keseksaan, sesiapa yang memfitnah orang lain dengan tujuan hendak memburukkan atau menjatuhkan maruah orang itu menerusi perkataan, penulisan, penyiaran atau sebarang isyarat berkenaan boleh dipenjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Tuan Yang di-Pertua, mesej yang saya hendak jelaskan di sini yang mana saya sentuh di dalam keselamatan dalam negara, sepatutnya sama ada sebagai ahli

Pembangkok ataupun sebagai rakyat biasa yang telah pun mendapat hak sebagai rakyat, apabila hendak menimbulkan sesuatu isu itu, janganlah mereka lupa bahawa mereka adalah rakyat negara ini.

Oleh itu, bercakaplah sebagai rakyat, kalaulah anak Tuan Yang di-Pertua, minta maaf bila dia hendak hentam Dato' dia cakap seolah-olah dia itu bukan anak. Apa perasaan Dato'?

**Tuan Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Anak saya tak pernah bercakap begitu dengan saya!

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tak pernah. *[Ketawa]* Terima kasihlah, saya kata 'kalau', 'kalau'!

**Tuan Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tak ada kalaulah! *[Ketawa]*

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tak ada kalau. Terima kasih Dato'.  
Jadi, mesej di sini ....

*[Beberapa Ahli memasuki Dewan]*

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Ya, hendak minta laluan?

**Tuan Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tidak, ini yang baru masuk ini.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Oh, baru lalu masuk? *[Ketawa]*

**Tuan Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Ya, baru masuk! Dia dengar Yang Berhormat berucap ini semua masuk.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Terima kasih, ya! Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya timbulkan di sini Ahli Yang Berhormat saudara saya Tuan Yim Chee Chong, dia mengagung-agungkan dan memuji kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir, dia juga memuji kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar

bin Ibrahim. Semua orang memuji, dunia luar pun memuji. Kalau orang yang kita puji sudah mula rasa kecewa dengan sikap rakyat kita sendiri, tak kiralah sama ada Pembangkang ataupun daripada parti penyokong, yang mempertikaikan seolah-olah kerajaan kita ini tidak adil, kita tidak demokratik dan mengambil tindakan untuk hendak menghapuskan karier politik orang-orang tertentu, sedangkan keputusan itu dibuat oleh mahkamah.

Saya telah baca tadi, di bawah akta itu hukuman boleh sehingga RM20,000 dan penjara boleh lebih daripada dua tahun sampai tiga tahun, itu mahkamah baru menjatuhkan hukuman berapa ribu dan penjara dua tahun, ini bukan mahkamah membuat satu keputusan yang tidak ada di dalam undang-undang, memang telah ada di dalam undang-undang.

Oleh sebab itu, apabila berita ini saya sendiri membaca, saya minta maaf ini ada akhbar-akhbar tempatan juga yang disiarkan seolah-olah mempertikaikan keputusan mahkamah yang mana mahkamah membuat keputusan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri menyebut dahulu, parti kerajaan sendiri UMNO pernah diambil tindakan haram dan tidak ada akhbar yang cuba hendak menghurai, hendak membela. Pada hal dari segi kesilapan teknik begitu sahaja diharam terus! Cuba bayangkan mengharamkan satu parti yang sudah melalui pilihan raya dan mendapat mandat rakyat untuk memerintah negara - diharamkan! Bagaimana keadaan kelam kabut pada waktu itu untuk hendak mencari jalan, hendak mewujudkan kerajaan semula.

Inilah yang saya katakan tadi, kalau kita fikirkan masih ada media massa yang mendapat kebebasan menerbitkan cetakan mereka di negara ini, masih ada orang yang mendakwa dirinya sebagai rakyat menikmati segala kemudahan yang kita dapati di sini

tetapi dalam masa yang sama mempertikaikan tindakan untuk menjaga keamanan dan keselamatan negara. Inilah perkara yang harus kita renung.

Oleh yang demikian, kita berharap kerajaan tidak akan bertolak ansur dan tidak akan melengah-lengahkan lagi jika terdapat bukti ada golongan yang sanggup melakukan sesuatu mempertikaikan perkara yang telah termaktub dalam undang-undang, membuat sesuatu yang boleh menjejaskan keamanan dan keselamatan negara, kerajaan perlulah mengambil tindakan yang lebih keras.

Malah Kerajaan Singapura sendiri, ada salah seorang parti pembangkang, calon pembangkang yang cuba masuk bertanding pilihan raya, tetapi membuat dakwaan, mereka cuba bawa ke pengadilan. Calon pembangkang itu lari ke Johor, maka kerana isu itu pula menjadi perbalahan di antara Singapura dengan Malaysia. Mereka cuba membawa balik dan bawa perkara ini ke mahkamah. Mereka menuntut bayaran gantirugi dan sebagainya berjuta-juta ringgit. Cuba bayangkan, itu bukan jauh, baru seberang sahaja, sedangkan di dalam negara kita sendiri, bila orang itu terang-terang mencabar kewibawaan mahkamah, mencabar kemampuan kita. Akhbar-akhbar pula ada yang memihak kepada isu itu, kita masih lagi menganggap perkara itu perkara yang enteng yang tidak perlu dibawa ke tengah. Saya tidak faham apakah maknanya kita menjadi rakyat negara ini? Apa maknanya kita berjuang untuk kepentingan rakyat? Sanggupkah kita tunggu sehingga berlaku 'Peristiwa 13 Mei' sekali lagi? Pada masa itu baru kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengingatkan kerajaan, janganlah nanti sampai berlaku satu peristiwa yang boleh menjejaskan keselamatan, menjejaskan keadaan kestabilan politik baru kerajaan hendak bertindak - bertindak lebih awal. Yang mana lebih penting rakyat ramai ataupun individu dua tiga kerat ataupun kepentingan media-media yang

dikawal oleh golongan-golongan tertentu. Oleh sebab itu sudah sampai masanya kerajaan perlu memberi perhatian, kita ada Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu ingat pemimpin kerajaan sama ada Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri atau menteri-menteri dan timbalan-timbalan menteri, mereka adalah pemimpin untuk rakyat keseluruhannya, bukan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, mereka ini Melayu, mereka bukan pemimpin untuk orang Melayu.

Begitu juga Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, Dato' Seri S. Samy Vellu, mereka bukan pemimpin untuk golongan Cina, mereka bukan pemimpin untuk golongan India, mereka adalah pemimpin Kerajaan Malaysia, mesti berjuang untuk kepentingan rakyat Malaysia. Kalau boleh kita tidak perlu lagi menyebut dalam majlis-majlis ini perlu ada kaum Cina, kaum India, Kadazan sama, sebut sahaja 'rakyat Malaysia'. Apa perlunya kita identify, dengan izin, rakyat kita ini sebagai kaum-kaum ini, biarlah kita bercakap sesama kita sahaja tidak apa. Kalau pemikiran ini, minda ini tidak diubah ke arah itu, saya khuatir masalah perkauman ini tidak akan terhapus.

Saya mengingatkan sekali pemimpin kerajaan bukan pemimpin kaum, pemimpin kaum hanya berlaku apabila di dalam kelompok parti yang mewakili di dalam komponen Barisan Nasional. Tetapi bila bercakap atas tiket menteri, mesti cakap untuk kepentingan rakyat. Malangnya akhir-akhirnya seperti yang telah saya sebut dalam Dewan di masa lalu ada majlis-majlis yang dianjurkan oleh golongan-golongan tertentu - ingat.

Saya bukan hendak menidakkan hak kaum-kaum yang ada ini daripada mengutamakan kebudayaan masing-masing, bahasa masing-masing, tetapi biarlah bertempat, kena. Ini tidak, di dalam majlis terang-terang kita tengok sepanduk yang

dibubuh di hadapannya semuanya dalam tulisan kaum itu sahaja. Ia tidak langsung meletakkan Bahasa Kebangsaan ini di tempat yang sewajarnya, sekurang-kurangnya sudah kita terima bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, tulislah di atas itu majlis apa..... selepas itu diikuti dengan bahasanya, ini tidak.

Begitu juga dalam media, ini saya sebut bersangkutan dengan keselamatan. Kalau hal-hal yang macam ini kita masih anggap, kita sudah sampai ke dekad dua puluhan. Kita sudah merdeka 20 tahun. Kita bercakap di antarabangsa, tetapi masih lagi kita anggap isu-isu ini kita masih tidak boleh terima. Saya tidak nampak bagaimana yang kita sebutkan tadi kita sebagai bangsa yang maju. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal keselamatan ini, saya percaya semua pemimpin yang ada dalam Dewan yang mulia ini perlu akui, kalau dalam Perlembagaan pada masa kita hendak merdeka dahulu, kita sudah letakkan perkara-perkara yang tertentu, kita tidak boleh pertikaikan lagi.

Begitu juga pada mulanya Tuan Yang di-Pertua, saya akan sebut perkara ini dalam tajuk yang bersangkutan dengan pendidikan. Kita dengar ada rakan-rakan kita, saya minta maaf, kadang-kadang bila sebut kekurangan guru sekolah Tamil, guru sekolah Cina dan sebagainya. Saya rasa soal peluang pendidikan sekarang ini tidak langsung menyekat rakyat Malaysia untuk mendapat pendidikan, semua rakyat masih berpeluang, cumanya yang berlaku kekurangan itu disebabkan kita masih mahu mengekalkan sekolah mengikut identiti masing-masing.

Cuba kita adakan sekolah di mana di satu sekolah juga bahasa Tamil boleh diajar, bahasa Cina boleh diajar, tetapi di bawah satu bumbung, jadi tidak timbulkan soal kekurangan guru Tamil, guru Cina dan sebagainya. Sekarang kita sedang mengadakan

latihan. Kita tidak boleh mengadakan maktab perguruan Cina, maktab perguruan Tamil. Kita adakan maktab perguruan untuk melatih guru-guru memberi pendidikan kepada rakyat.

Saya tidak mengatakan kaum-kaum ini tidak boleh mempelajari bahasa masing-masing, cumanya ke arah penyatuan bangsa ini harus wujud ke arah itu, kalau kita masih hendak kelompok-kelompok macam saya katakan tadi, sampai bila perkara ini akan berterusan begitu.

Tuan Yang di-Pertua, berubah kepada soal pembangunan ekonomi. Kita tahu sekarang ini kita sudah mencapai pembangunan yang amat membanggakan. Kita sudah mencapai kadar pertumbuhan lebih daripada 8%, sudah hampir satu dekad, jadi insya-Allah pada tahun ini seterusnya kita boleh pertahankan kadar 8% itu. Cumanya, apa yang ingin saya ingatkan dalam masa kita membangun ini, kadang-kadang pembangunan itu membuat rakyat kita tidak tahu hendak pilih mana yang lebih utama.

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad telah mengingatkan dalam keghairahan kita memberi perhatian dalam soal pembangunan, pembangunan ekonomi, pembangunan material atau kebendaan, kita jangan lupa kepada pembangunan manusia. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim sendiri berkali-kali menyebut, tadi pun dalam perasmian Hari Belia, saya mengikuti melalui TV, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim bercakap panjang bersangkut dengan keruntuhan moral. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak sebut, kita sekarang ini sudah di dalam dilema, seperti kita sebut di dalam perkara Multimedia Super Corridor (MSC) atau Koridor Raya Multimedia. Mahu tidak mahu perkara itu akan sampai, akan berlaku, begitu juga pembangunan. Apa yang saya hendak sebut, rakyat



sekarang ini, kalau dia tidak mengambil bahagian, dia tidak mencari peluang, dia tidak aktif macam orang lain, mungkin akan ketinggalan.

Jadi mahu tidak mahu dia terpaksa occupied dirinya, penuhkan masa dengan penglibatan ekonomi. Inilah yang memungkinkan perkara-perkara lain ketinggalan. Misalannya masalah keluarga, masalah perhatian kepada anak-anak, masalah untuk hendak membangunkan manusia. Kalau kita perhatikan sekarang, pembangunan ini kadang-kadang kita nampak terlalu cepat sehingga kita terpaksa mengejar dan kadang-kadang orang yang sudah berada di satu tempat yang lebih strategik, lebih terbuka peluang itu, dia tidak perlu mengejar lebih daripada orang yang sudah kebelakang, peluang itu akan datang sendiri dan dia dapat kesempatan. Tetapi orang-orang biasa ini, walaupun dia mengejar masalah keluarga dia sudah ketinggalan, kesempatan yang didapati dalam ekonomi pun tidak berapa sangat, tidak kesampaian - ini dilemanya. Oleh sebab itu, kerajaan perlu melihat semula bagaimana cara supaya pembangunan ini tidak mengabaikan rakyat memikirkan masalah pembangunan manusia itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita akui bahawa apa yang dibuat oleh kerajaan sekarang ini adalah untuk kebaikan ekonomi negara kita pada keseluruhannya, bukan untuk orang-orang tertentu. Seperti yang saya sebut tadi satu masa dahulu kita mengenali kaum di Malaysia mengikut sektor, sekiranya orang Cina di lombong - di bandar-bandar besar, orang Melayu di kampung - pertanian, orang India - di estet-estet dan sebagainya.

Namun sekarang kita bersyukur, kerana suasana dan keadaan sudah berubah, akan tetapi masih ada lagi perkara-perkara yang kita perlu fikirkan, di dalam RMK-7 yang dibentangkan oleh kerajaan baru-baru ini penekanan telah disebut iaitu perhatian akan diberi kepada negeri-negeri yang kurang maju. Sekarang ini pembangunan industri

hanya bertumpu kepada negeri Selangor, Johor, Kedah itu pun mungkin Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad duduk di sini, pakat pergi buat jugalah, bila sudah mula jadi itu - jadi ambillah, Pulau Pinang dan sebagainya. Negeri-negeri lain seperti Perlis, Kelantan, Terengganu selepas itu adalah yang lain sedikit, duduk macam itulah?

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Pahang tidak ada?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Pahang ini membangun juga, di Kuantan. Di Terengganu sebab ada minyak. Di Kuantan itu membangun juga, tetapi di negeri-negeri lain slow.

Saya percaya kalau hendak harap kerajaan negeri, Ketua Menteri, Menteri Besar yang bijak macam mana pun hendak bawa pelabur, pelabur dia hendak kena kaji dari segi menguntungkan dia, dari segi infrastruktur, dari segi masalah pengangkutan, dari segi pelabuhan, dari segi institusi kewangan dan banyak perkara lagi. Jadi, kalau kita kaji dari segi ini, kalau sudah ada di dalam RMK-7 supaya kerajaan memberi perhatian kepada negeri-negeri yang terpencil.

Sekarang ini kita sudah IMT-GT di sebelah utara, selepas itu di sebelah selatan pun ada, tetapi setakat ada sahaja dan kerajaan tidak merancang macam saya sebut dahulu mengadakan satu dana khas iaitu menggalakkan, memberi satu galakan insentif kepada pelabur-pelabur yang ingin melabur dan membuka industri di negeri ini akan memberi kemudahan yang lebih banyak lagi. Ini adalah satu jalan yang boleh menggalakkan kita berilah pengecualian cukai sekian-sekian lama, kita beri beberapa kemudahan lagi. Saya percaya pelabur-pelabur akan berminat. Begitu juga kalau hendak membuka pelabuhan dan sebagainya.

Sekarang ini saya sebagai wakil dari Perlis nampak bila Perlis mula hendak tebus guna pantai, hendak buat pelabuhan dan lapangan terbang, Kedah pun hendak buat sama. Jadi, kalau lapangan terbang itu dekat, saya bimbang bila turun kapal terbang di Kedah ia terlajak pergi ke Perlis [*Ketawa*] ataupun kalau hendak naik ia menjadi sambung begini [*sambil mengangkat tangan*]. Ini yang saya katakan tadi, sepatutnya ada penyelarasan, Pakat, kalau hendak buat - buatlah di tengah-tengah, biar lapangan terbang ke pelabuhan itu pelabuhan di lingkungan IMT-GT, ada syer kerajaan negeri masing-masing. Ini Kerajaan Pusat boleh buat, boleh hitung. Harap kerajaan negeri, siapa cerdik, siapa cepat, siapa duit banyak, pelabur mana pergi ke situ, merekalah boleh buat dahulu, tetapi di negeri-negeri yang susah mendapat itu setakat sebut sahajalah. Selepas itu kita hendak salahkan Menteri Besar dengan Ketua Menteri sebab apa banyak MoU tidak boleh buat, hendak buat macam mana, dalam merancang, tahu-tahu naik kepala dahulu - Kerajaan Pusat mesti rancang.

Saya juga ingin menyebut berkenaan dengan pembangunan ini, iaitu kerajaan hendaklah mengambil kira orang-orang yang susah, yang miskin. Bila kita cakap orang miskin, orang susah, kita tidak boleh kata sekarang ini tidak ada orang miskin, tidak ada orang susah. Bila negeri membangun, kita kena bandinglah kemiskinan dalam negeri yang membangun tahap dia macam mana. Ada juga yang miskin, miskin cara negera membangun, hak miskin cara Afrika itu cara Afrika. Jadi kalau kata tidak ada miskin, sedangkan dapat gaji RM1,000 sekarang ini pun kalau dijumlah dengan duit makan, bayar pendidikan anak, bayar itu, bayar ini, poket kosong, terhutang lagi - tidak ada. Kita hendak kata pendapatan tinggi itu tidak miskin, pendapatan itu kena bandinglah macam juga tarif elektrik.

Saya minta maaf, tadi memang saya hendak sebut, dua tiga hari kelmarin saya dengar Tenaga Nasional untung sekian peratus, sebab naik 1.8 sen itu sudah dua kali naik, dia untung tiba-tiba, selepas itu Pengerusi Eksekutifnya pula kata untung macam itu tidak boleh cover lagi - ha! Mati rakyat. *[Ketawa]* Dia tahu hendak cover hak dia, fasal dia jadi pengerusi, dia hendak kira hendak dapat untung - perkara itu saya tahu kemudian. Ini fasal rakyat miskin.

Tuan Yang di-Pertua, masalah rakyat miskin ini masih ada. Miskin tidak kira Melayu, Cina, Kadazan, tidak kira bangsa apa, Indiakah apa, kalau miskin, miskinlah. Dia tidak kira dan saya amat bersetuju kalau hendak tolong orang miskin, tolong kesemua tetapi masalahnya hendak kenal pasti siapa dia yang miskin. Kalau kita boleh belanja duit banyak-banyak untuk tolong pendatang haram yang masuk negeri kita tiba-tiba tidak ada permit, lepas itu dok tolong bela, bagi makan, buat tempat, bagi ubat, lepas itu hendak hantar balik, tidak mahu balik, belanja kapal pula. Berapa banyak punya rugi itu, buat juga! Sudah tahu dah depa itu mai secara haram. Jadi, oleh sebab itu, kita kenal pasti rakyat negara ini yang miskin. Miskin fasal apa, apa sebab punca dia dan cari jalan jangan beri duit sahaja. Bantukan, buat program. Macam sekarang ini saya nampak sekarang ini kita tidak selaras, negeri Selangor ada Yayasan Membasmi Kemiskinan, dia buat macam syarikat pula, swasta pula dah! Tetapi dalam keadaan pada peringkat awal itu ada berlaku penyelewengan, banyak mana duit lingkup tidak tahulah yang tolong, tolong juga.

Begitu juga di negeri lain, kalau boleh apa salahnya kalau tubuh di peringkat Pusat, Yayasan Basmi Kemiskinan Negara. Tubuhlah, badan itu badan atas itu sebagai swasta, biar dia wujudkan cawangan di negeri-negeri, tidak usah bagi negeri-negeri, tiap-tiap

negeri ada satu akta tubuh satu syarikat Yayasan Basmi Kemiskinan. Esok-esok bila banyak sangat, pengurusan pentadbiran tidak selaras belanja banyak akhirnya ada negeri elok, ada negeri tidak elok, ada duit lingkup, duit tidak lingkup. Susah, kita tidak selaras, kutip duit pun susah. Kalau buat satu syarikat di peringkat kebangsaan, lepas itu syarikat-syarikat ini akan ambil tahu semua hal-hal rakyat miskin di seluruh negara ini, senang sedikit. Kita dok fikir masalah swasta, penswastaan tetapi kita masih lagi dok buat mengikut kelompok-kelompok kecil. Ini bercanggah dengan prinsip yang kita buat sekarang ini. Oleh sebab itu, Dato' Pengerusi, sudah sampai masanya.....

**Dato' Haji Mohd Zuki bin Kamaluddin:** Bukan 'Pengerusi'.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mohd Zuki bin Kamaluddin:** Ya, terima kasih.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Eh, baru naik Timbalan Yang di-Pertua, sudah tegur dah. *[Ketawa]* Tetapi ada harapan untuk terus, Dato'. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masanya kalau kerajaan boleh rancang perkara-perkara lain yang boleh dibuat dengan lebih sistematik dan lebih praktikal, mengapa soal-soal hendak basmi rakyat miskin ini tidak boleh dirancang, difikirkan satu formula, suatu badan yang menyeluruh, yang lebih konkrit, identify. Saya percaya orang miskin ini orang yang masih bertenaga, ada anak, boleh bekerja, ada kemahiran, sekurang-kurangnya pendidikan setakat menengah rendah. Mereka ini boleh digunakan, boleh dilatih. Kita buatlah macam industri kampung, ambil secara vendorkah buat satu perusahaan tempatan. Janganlah harap kerajaan negeri ataupun satu badan asing hendak ambil alih. Kerajaan Pusat rancang sendiri, buat, lepas itu tempatkan orang ini buat kerja. Macam mana kita dok ambil pendatang asing buat kerja dengan syarikat-syarikat, duit

mereka boleh kumpul dan hantar balik pula. Fasal apa rakyat di tempat kita sendiri kita tidak boleh usaha, cari jalan buat macam itu? Saya nampak tidak ada masalah, kerajaan ada kemampuan. Dalam hal lain boleh buat, mengapa masalah rakyat termiskin ini tidak boleh buat. Saya rasa kalau begitu dirancang tidaklah berlaku banyak pembaziran. Sekarang ini duit berapa banyak melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar, melalui agensi-agensi lain yang kita curah beri, bunyinya - belanja untuk pembangunan rakyat termiskin tetapi akhirnya rakyat itu tidak tahu mana pun, dok miskin macam itu juga. Duit sudah habis dah. Ini yang saya kata buat kerja yang tidak ada perancangan yang rapi, yang kita tidak boleh kesan balik. Ini perlu dilihat semula dan kerja-kerja yang semacam ini saya percaya Dato' Seri Anwar bin Ibrahim memang dalam hati kecil dia pun dia dok ingat hendak buat lagu itu dah, *[Ketawa]* dia akan sampai masa tetapi tidak payahlah, bukan kerja dia seorang. Dia pun perlu orang lain sama.

Tuan Yang di-Pertua.....

**Puan Hajah Rahaiah binti Baheran:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mohd Zuki bin Kamaluddin:** Minta maaf sekejap, ini minta laluan, Yang Berhormat ya.

**Puan Hajah Rahaiah binti Baheran:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi ada Yang Berhormat sebut bahawa perlu agensi baru bagi membasmikan kemiskinan. Apakah Yang Berhormat bersetuju menyatakan bahawa agensi kerajaan yang sedia ada tidak dapat menjalankan tugas-tugas mereka terutamanya KEMAS di luar bandar?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas teguran itu. Saya minta maaf, mungkin Yang Berhormat tidak faham maksud saya. Saya

bukan suruh buat agensi baru, saya dok nampak la ni fasal agensi yang ada sekarang ini celaru, sebab itulah hendak suruh buat lain itu. Bukan hendak buat baru.....

**Dato' Haji Mohd Zuki bin Kamaluddin:** Minta maaf, Yang Berhormat ini cakap pelat loghat mana ini? *[Ketawa]*

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Dato' boleh faham tidak?

**Dato' Haji Mohd Zuki bin Kamaluddin:** Faham sedikit-sedikit.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Ha, kalau faham tidak apa. Kalau Dato' faham itu loghat Malaysia sebelah Utara.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya melawak, Yang Berhormat tadi, saya tidak bermaksud suruh tubuh satu badan baru tetapi saya kata kita tubuh satu badan yang merancang secara menyeluruh, bersepadu. Kalau kata agensi yang ada sekarang ini boleh digunakan, maka agensi-agensi itu akan diletakkan di bawah badan induk ini. Sekarang ini Kementerian Pembangunan Luar Bandar asing, Amanah Ikhtiar asing, ada beberapa badan lagi juga asing, masing-masing, tolong masing-masing macam orang minta sedekahlah. Bila tunggu di situ ada orang ini beri sekupang, orang itu beri sekupang, akhir-akhirnya duit itu lingkup habis. Tidak tahu pergi ke mana.

Apa yang saya maksudkan ini ada satu badan macam Tabung Haji. Dulu Tabung Haji kita benarkan orang pegi ke Mekah, pergi bayar dekat agensi merata tempat, tidak ketahuan hala. Sekarang ini bila ada Tabung Haji orang boleh simpan duit, duit itu sementara hendak pergi haji orang boleh labur ke tempat lain. Ha, yang ini saya rasa macam itulah lebih kurang. Boleh faham Dato'? *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mohd Zuki bin Kamaluddin:** Boleh, boleh.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Boleh ya. *[Ketawa]* Jadi, kalau ada satu badan, kerajaan beri geran. Duit itu buat sementara dia boleh berniaga, boleh labur dulu, lepas itu bila ada projek-projek hendak basmi dan bantu rakyat miskin ini dia rancang dengan begitu elok. Baru dia keluarkan. Sekarang ini saya nampak masih tidak sistematik dan tidak memberi satu kesan yang positif. Ini saya tidak payah hurai banyak sangat fasal Yang Berhormat duduk dalam ANGKASA tentu dia lebih faham, ANGKASA itu tinggi. Ada yang hendak minta laluan pula *[Ketawa]*

**Puan Hajah Rahaiah binti Baهران:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan itu boleh, tetapi jawapan kepada soalan saya yang kedua tadi iaitu adakah KEMAS dapat menjalankan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka, pada pendapat Yang Berhormat?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya nampak, ini saya minta maaf, masalahnya KEMAS ini satu organisasi tetapi anggota yang di dalam KEMAS itu satu bab lain. Kadang-kadang ada patut benda yang wajib dia jadi sunat, hak sunat dia jadi wajib. Jadi, sebab itu, saya tidak payah jawab dalam Dewan inilah. Jadi, bergantung bolehkah tidak boleh ini.....

**Dato' Haji Mohd Zuki bin Kamaluddin:** Yang Berhormat, jadi untuk kefahaman Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu, Yang Berhormat Tuan Yim ini, you kena beritahu makna sunat, harus dan makruh ini, kalau tidak dia tidak faham. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Insya-Allah, dengan izin, itu 'priority'lah, yang mana lebih utama, itu sahajalah. Boleh ya, ini saya tahulah hendak beri orang seronok boleh hidup semula ini. Tuan Yang di-Pertua, saya harap pencatat pun



jangan catatlah, kalau catat saya cakap macam itu nanti bercelaru. Dia kena ambil mesej itulah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya akan ubah kepada masalah kewangan yang melibatkan tabungan. Di dalam ini kita tahu kerajaan sekarang ini sedang giat untuk berusaha bagi menggalakkan tabungan. Kita tahu apabila negara kita mencapai tahap pembangunan dan kita akan terus bertahan ataupun sustainable, oleh sebab itu satu cara yang paling baik ialah dengan mengumpul modal dalaman. Kalau kita berhutang sudah tentu kesan-kesan jangka pendek, jangka panjangnya pasti ada. Dalam keadaan sekarang ini kerajaan memang wajar sekali menganjurkan galakan tabungan. Kita tahu bila kita cakap tabungan ianya bukan bermakna menggalakkan orang simpan duit di bank sahaja. Tidak, ia ada banyak lagi institusi-institusi yang kita boleh tabung, misalannya sekarang ini di dalam Kumpulan Wang Simpanan (EPF), kita tabung, Tabung Haji kita tabung, insurans kita tabung, kita beli saham-saham amanah, kita tabung. Banyak lagi kita tabung, sebab itu bila kita cakap fasal tabung ini sahaja tidak usahlah hendak fikir suruh bank buka akaun di sekolah, di estet dan sebagainya. Apa yang saya minta sekarang ini supaya kerajaan boleh memikirkan suatu cara tabungan di mana rakyat biasa yang tidak makan gaji ini pun boleh tumpang dengan cara mereka mengeluarkan bayaran secara ansurans. Macam juga kerajaan dok bantu PPRT, Amanah Saham Bumiputera yang diberi sekarang ini. Kalau kita buat begitu makna kita committ rakyat yang berpendapatan sederhana ini, mahu tidak mahu mereka terpaksa tabung sebab ini telah diberilah kepada mereka sijil geran yang mereka ada simpanan dalam sekian-sekian badan sekian banyak.

Oleh sebab itu mereka kena bayar sebulan banyak ini atau melalui potongan dividen, keuntungannya dapat balik. Cara ini saya rasa dalam masa yang sama kerajaan dapat mengumpul wang untuk buat modal daripada dalam, dalam masa yang sama memberi suatu galakan kepada rakyat biasa yang berpendapatan tidak tentu arah ini, macam nelayan, peniaga-peniaga kecil, orang yang cari makan sebagai buruh-buruh sambilan dan sebagainya ini, mereka juga boleh mula menabung. Kalau mereka hanya bayar EPF kadang-kadang bukan semua EPF itu dibayar oleh majikan. Majikan buat agreement sahaja, agreement secara persefahaman - understanding. Dia kata, agreement sekian banyak tetapi yang dibayar sebenar sekian banyak, pakai tulis kemudian hantar. Dia tidak bayar pun, dia potong daripada duit gaji pekerja-pekerja itu sahaja. Jadi, oleh sebab itu tabungan ini patut diberi sokongan, kerajaan mesti cari jalan supaya semua lapisan rakyat terlibat di dalam tabungan dan insurans ini kerajaan mesti mengawal. Jangan, kalau setakat kita hendak keluar lesen bagi komapani insurans ini menjalankan insurans pergi cari siapa yang hendak insured dan sebagainya tetapi masalah-masalah yang timbul yang berkaitan dengan tuntutan insurans, perkara-perkara dan sebagainya tidak diberi perhatian, maka akhirnya orang-orang yang terperangkap dengan tabungan di insurans ini akan menjadi mangsa syarikat-syarikat insurans. Kita tahu banyak pegawai-pegawai insurans yang mengambil kesempatan, berlaku penyelewengan buat tuntutan palsu dan sebagainya, duit itu mereka berpakat, mereka salah gunakan. Akhirnya syarikat-syarikat insurans ini gulung tukar, orang-orang yang melabur pun tumpang menjadi mangsa. Oleh sebab itu, pengawasan kerajaan di dalam hal-hal yang berkait dengan syarikat-syarikat yang membuat tabungan kepentingan awam ini hendaklah dibuat dengan berkesan dan teliti. Kerajaan tidak boleh lepas tangan begitu sahaja.

Begitu juga di dalam badan-badan amanah, insitisi-institusi kewangan, sekarang ini kerajaan melantik orang-orang tertentu untuk menjadi pengerusi, lembaga pengarah dan sebagainya tetapi dalam masa yang sama bila berlaku penyelewengan, habis-habis yang dibuatnya tukar lembaga pengarah lain. Orang yang bertanggungjawab itu juga lepas begitu sahaja. Kemungkinan semasa dia memegang jawatan itu adalah perkara yang tidak betul berlaku di dalam pengetahuan dia tetapi dia tidak ambil kira, lepas itu benda itu sangkut tidak boleh selesai dia pun lepas tangan.

Jadi, kerajaan kenalah juga melihat dalam masalah ini supaya orang-orang yang diberi tanggungjawab yang bertanggungjawab terhadap apa yang berlaku di bawah badan-badan yang dia dipertanggungjawabkan tidak boleh lepas begitu sahaja. Mereka yang terlibat itu perlu diambil tindakan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyebut berkenaan sistem.....

**Dato' Haji Mohd Zuki bin Kamaluddin:** Yang Berhormat selalu sangat sebut Tuan Pengerusi.....

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua .....

**Dato' Haji Mohd Zuki bin Kamaluddin:** Kalau kita sebut Pengerusi apabila kita bersidang dalam jawatankuasa sahaja, selain daripada itu mesti Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan sistem kewangan negara kita sekarang ini. Saya percaya sistem kewangan negara kita sekarang ini adalah satu sistem yang terbuka, liberal dan fleksibel. Ini adalah baik untuk negara-negara membangun seperti Malaysia, cumanya yang kita bimbang keadaan liberal dan fleksibel itu boleh diambil kesempatan

oleh orang-orang yang selalu buat kerja cari duit secara speculation. Inilah yang berlaku di dalam pasaran saham kita hari ini.

Saya percaya kalau kita ikut laporan saham antarabangsa di New York, United Kingdom, Jepun dan negara-negara lain, kejatuhan tidak begitu teruk, keadaannya agak stabil tetapi yang peliknya, keadaan ekonomi negara Malaysia stabil, semuanya bagus, kenaikan kadar pertumbuhan kita 8% lebih, imbalan bayaran kita sudah melebihi, hutang luar kita sudah berkurangan dan banyak benda-benda ini semua yang lebih positif, tetapi mengapa pasaran saham kita hari ini 40% lebih jatuh, turun? Saya nampak seolah-olah jadi kasino, pasaran saham ini menjadi kasino orang-orang yang buat duit di pasaran saham. Saya bimbang kalau kerajaan tidak beri perhatian, tidak selidik, tidak siasat apa perkara yang sebenar berlaku, pelabur-pelabur biasa seperti mungkin di antara yang ada ini termasuk saya yang beli saham yang lama-lama itu, dok tunggu-tunggu hendak naik hendak jual, tiba-tiba turun, menjadi mangsa. Setengah-setengah itu pula yang memang menggunakan duit simpanannya sedikit untuk melabur melalui kawan-kawan, hendak main saham, tiba-tiba jatuh, dia tidak dapat balik pulangan bulanan yang diterima sedikit, dia pun tumpang rasa sahaja.

Orang yang memang dok main saham cara yang boleh pinjam duit di bank, kambus sana sat, sini sat itu tidak apalah, tidak menjadi masalah. Tetapi pelabur-pelabur biasa yang cuba-cuba hendak cari duit melalui pasaran saham ini, orang ini akan menjadi mangsa.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak boleh lepas tangan. Selain daripada kerajaan telah membuat beberapa kesilapan teknik membiarkan Bank Negara mengumumkan beberapa perkara yang penting, yang cukup sensitif, yang boleh

menjejaskan pasaran saham, kerajaan juga mesti menyelidik, mencari punca-punca untuk mengetahui orang-orang yang bertanggungjawab ke arah menaikturunkan pasaran saham kita. Kita tahu dan kita hairan kadang-kadang ada saham, dia naik, naik, naik, hak lain turun, dia masih naik lagi. Tiba-tiba mai satu masa, dia pula turun, turun begitu banyak sangat. Ini sudah tentu ada sindiket yang cuba hendak mengambil keuntungan.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, banyak dalam masyarakat kita ini yang tidak berapa faham sedalam-dalamnya dalam masalah saham ini. Kita juga menggalakkan orang-orang ini cuba mencebur diri melabur melalui pasaran saham, tiba-tiba berlaku yang semacam ini, mereka menjadi mangsa. Oleh sebab itu, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk mengawasi, menyasat skandal perkara-perkara yang tidak seharusnya berlaku di dalam pasaran saham.

Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masanya sekarang kita lebih mirip ke arah mengamalkan produk sistem kewangan Islam. Saya percaya semakin ramai rakyat Malaysia yang bukan Islam sudah memahami bagaimana sistem kewangan Islam itu boleh berfungsi di dalam sesebuah kerajaan dan sekarang ini sudah ramai pengusaha, pelabur dan rakyat yang bukan Islam yang berani mengamalkan sistem kewangan Islam. Pada satu masa dahulu kita tidak pernah mendedahkan produk-produk ini kepada orang ramai dalam bidang perniagaan dan sekarang ini mereka sudah tahu. Sebab itu, kita tidak ragu-ragu lagi kalau kerajaan mengamalkan sistem kewangan Islam.

Saya yakin seluruh rakyat boleh terima, sebab kalau kita amalkan sistem kewangan Islam sudah tentu ada banyak perkara yang berlaku seperti penyelewengan, riba dan sebagainya sekurang-kurangnya kerajaan kita yang kita perakui agama Islam sebagai agama rasmi akan bertanggungjawab bukan sekadar di dunia sahaja malah di akhirat juga.

Tetapi kalau kita sebagai kerajaan yang meletak agama Islam sebagai agama rasmi tetapi masih membiarkan hal-hal berlaku secara yang tidak Islamic, saya bimbang dunia pun terlepas, akhirat lagi jauh. Oleh sebab itu, kalau rakyat bukan Islam boleh terima, maka mengapa kita tidak amalkan sistem kewangan Islam, kecualilah kalau hendak buka bank yang depa ada modal sendiri itu, depa jalanlah, tetapi yang saya sebut ini ialah hak yang kerajaan sendiri yang buat yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan penswastan. Memang kita akui dasar penswastan yang dianjurkan oleh kerajaan, lebih-lebih lagi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sebagai orang yang bertanggungjawab membuat dasar penswastan ini adalah satu dasar yang cukup baik, yang boleh membantu membangunkan sesebuah negara. Apa yang saya hendak sebut di sini, kerajaan telah berjaya menswastakan beberapa agensi yang penting iaitu termasuklah Tenaga Nasional, lebuhraya, Telekom, KTMB, pelabuhan dan sebagainya.

Kita perlu ingat badan-badan yang saya sebut tadi adalah satu badan yang diberi kepada syarikat-syarikat ini atas dasar konsesi. Kerajaan telah menggunakan wang rakyat yang begitu banyak membina institusi ini. Tenaga Nasional berapa banyak kerajaan sudah belanjakan ke situ. Lebuhraya hendak buat kemudahan, begitu banyak. Telekom pun semacam juga dan lain-lain. Dan selepas ini kita dengar bekalan air pun akan diswastakan juga dan ini semua melibatkan syarikat-syarikat yang mana kerajaan telah mengeluarkan perbelanjaan yang begitu banyak. Bila kita beri badan-badan ini diswastakan dan dipegang oleh satu pentadbiran yang kita katakan korporat diswastakan. Apa yang berlaku sekarang ini ialah misalannya Tenaga Nasional, kenaikan tarif sudah berlaku sebelum daripada yang baru-baru ini naik dan diberitahu pula dua tahun lagi akan

naik lagi tarif elektrik. Begitu juga tol, kadar tol sudah berapa kali naik dan ada pula dalam perjanjian itu sekian-sekian tahun disemak semula dan akan dinaikkan lagi.

Kita perlu ingat kemudahan-kemudahan asas ini adalah kemudahan-kemudahan asas yang melibatkan rakyat biasa. Orang-orang yang ada kilang, yang ada kepentingan perniagaan yang boleh mendapat pendapatan balik daripada apa yang mereka guna itu kita tidak kisah sangat, tetapi rakyat biasa yang mencari makan untuk hendak sara, hendak beri makan anak-anak, isteri dan sebagainya. Oleh itu, kenaikan kadar badan-badan yang saya sebut tadi, macam Tenaga Nasional, tol dan sebagainya, kerajaan tidak harus sewenang-wenangnya meluluskan begitu sahaja. Kerajaan sepatutnya ada majlis keadilan awam, majlis pertimbangan awam dan sebagainya. Macam sekarang ini kita ada persatuan pengguna yang profesor itu selalu sebut.

Kita mesti ada satu mekanisme di mana soal-soal yang terlibat dengan kepentingan awam ini perlu pergi kepada badan itu dahulu. Badan itu mendapat maklumat, mendapat tinjauan daripada badan persatuan pengguna tiap-tiap negeri, daripada pertubuhan dan sebagainya, apakah kenaikan itu wajar, kemudian baru dikemukakan kepada Kabinet. Sekarang ini seolah-olah pihak pengurusan Tenaga Nasional, pihak pengurusan lebuhraya mempunyai kuasa sendiri, buat kira-kira, tunjuk ini, lepas itu kemuka kepada menteri, menteri bawa terus kepada Kabinet, kemudian sebut pula beri alasan.

Kalau saya sekalipun dilantik duduk di situ dengan gaji RM40,000, RM50,000, saya pandai rancang hendak beri untung, lepas itu saya khabar kepada kerajaan, ini kos dia cukup tinggi pada hal dia sendiri yang bawa keluar tender, yang suruh buat perancangan itu dan dia masuk secara tidak langsung pun ada pada dia, ini rasuahlah, Badan Pencegah Rasuah kena tengok. Selepas itu, dia khabar kata kos penyelenggaraan

pengurusan itu meningkat, oleh sebab itu tidak ada jalan lain, kena menaikkan tarif. Cuba bayangkan, bila kenaikan.....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat secara tidak langsung barangkali ada sebut fasal rasuah tadi. Saya rasa kalau tidak ada bukti, tidak ada apa, tidak boleh sebut. Itu sahaja.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi bukan saya sebut nama Dato', nama Dato' Zukikah duduk di situ, saya sebut secara umum. Kemungkinan secara umum ini bukan kata satu fitnah, satu tuduhan, ini dakwaan. Saya percaya orang ramai pun maklum perkara itu. Itu sebagai satu perkara realiti. Sebab itulah dalam pindaan undang-undang baru-baru ini yang saya sendiri kemukakan, kadangkala undang-undang itu membuatkan kita menyulitkan orang ramai hendak bawa ke tengah mengesahkan berlaku rasuah dan sebagainya. Jadi, saya tidak mahu panjangkan perkara itu, saya hendak bawa balik kepada masalah swasta, satu badan yang memang ada untung tetapi tidak fikir masalah kebajikan dan kepentingan sosial orang awam. Oleh sebab itu..... [*Y.B. Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang keluar Dewan*] Ingatkan hendak minta laluan pula, tetapi laluan keluar. [*Ketawa*]

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Yang Berhormat jangan risau orang keluar itu.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Ya, saya tidak kisah. [*Ketawa*] Tinggal saya seorang pun kalau Yang Berhormat Dato' duduk di atas itu, saya bercakap.

Tuan Yang di-Pertua.....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Yang Berhormat terasa macam mana? Dahagakah atau apakah?



**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tidak, saya rasa kot dia hendak minta laluan?

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tidak.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Kalau ingat dia hendak keluar, saya tidak kisah.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Ya.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Sebab ini Dewan yang mulia.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Ya.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Kalau orang keluar pun, cara mulia jugalah.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tidak. Begini, saya bertanya tadi sebab Yang Berhormat macam hendakkan air atau apakah? *[Ketawa]*

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Kalau Yang Berhormat Dato' boleh mengizinkan keadaan itu, lebih enak, lebih elok lagilah.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Saya minta kepada Dewan sediakan air minum, sebab kadang-kadang Yang Berhormat bercakap terlalu panjang sedikit *[Ketawa]* dan terasa tekaknya kekeringan. Kalau misalannya Yang Berhormat hendak, boleh minta, pada saat ini betul-betul hendak, bukan? Ataupun.....

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak payah diberi air kelapalah, air sejuk pun bagus. *[Ketawa]* Tetapi memang kalau boleh itu, elok sangat, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Ya.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap ini bukan kerana teringin hendak bercakap, kerana saya dilantik, diberi amanah, yang diberi elaun sekian banyak dan saya rasa menjadi tanggungjawab saya.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Yang Berhormat, tadi tidak dipertikai langsung berkenaan dengan boleh atau tidak Yang Berhormat bercakap. Itu Yang Berhormat sahaja hendak mengeluarkan sendiri. Saya faham Yang Berhormat ini adalah datang ke sini untuk diberi peluang bercakap. Jadi, teruskan cakap Yang Berhormat, tidak ada apa-apa masalah. Hanya yang selalu minta laluan ialah Yang Berhormat Tuan Yim. *[Ketawa]*

**Tuan Yim Chee Chong:** Ha, ya. Tuan Yang di-Pertua, mengikut Standing Order Dewan Negara, saya ingat tidak boleh minum air dalam Dewan. Sekarang Setiausaha Dewan kita sedang mencari Standing Order bolehkah atau tidak minum dalam Dewan yang sedang berbahas? Saya ingat, tidak apalah, sabarlah sekejap ataupun pendekkan ucapan, boleh selesai. *[Ketawa]* Terima kasih.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Yim. Tetapi kalau Yang Berhormat Yim sendiri tidak tahu Peraturan Mesyuarat ke berapa, macam mana Yang Berhormat Yim boleh kata mengikut Standing Order?

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Ya.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Standing Order perkara yang ke berapa?

**Tuan Yim Chee Chong:** Saya ingin menjawab bahawa Setiausaha Dewan Negara kita sedang mencari, sebab beliau ada pengalaman dalam Dewan ini dan sekarang sedang

mencari Standing Order ke berapa nanti akan diberitahu kepada Yang Berhormat, saya ingat.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, kalau begitu, tunggu Setiausaha Dewan beritahu, Yang Berhormat tidak payah, sebab tidak jumpa lagi.

Tuan Yang di-Pertua.....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Teruskan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sebut lagi berkenaan dengan penswastaaan. Kita akui dasar penswastaaan itu boleh membantu ekonomi negara dan dalam masa yang sama penswastaaan juga boleh menjamin kesempurnaan sesuatu perkhidmatan itu. Tetapi dalam konteks yang sama, seperti yang saya sebut tadi, kenaikan yang diminta oleh sesuatu agensi yang diswastakan terutama sekali agensi-agensi yang diberi konsesi yang melibatkan wang rakyat, wang kerajaan, kerajaan tidaklah seharusnya membuat keputusan yang begitu cepat.

Kerajaan perlu mengambil kira kepentingan rakyat, kepentingan awam, sebab kenaikan tarif elektrik, kenaikan tol lebuhraya akan memberi kesan baik secara langsung mahupun secara tidak langsung, baik bagi jangka masa pendek mahupun dalam jangka masa panjang sebab ini adalah perkhidmatan yang melibatkan banyak perkara lain yang berkaitan dengan kehidupan kita sehari-hari. Oleh itu, saya rasa kurang bersetuju dengan kenaikan yang diumumkan baru-baru ini.

Saya juga minta kerajaan apabila permohonan kenaikan yang diumumkan akan dibuat dua tahun lagi dan begitu juga tol yang ada dalam agreement, kerajaan perlu mengkaji semula. Kalau agensi ini tidak sanggup, tidak mampu, kerajaan ada alternatif, kerajaan boleh menawarkan penswastaaan ini kepada pihak-pihak lain yang mampu, kerajaan boleh cari alternatif. Kerajaan tidak boleh menganggap orang yang ditawarkan.....

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Nanti dahulu. Apa Yang Berhormat?

**Tuan N. Marimuthu:** Saya?

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Ya.

**Tuan N. Marimuthu:** Marimuthu. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Ya.

**Tuan N. Marimuthu:** Saya mahu laluan.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Minta laluan, ya, boleh.

**Tuan N. Marimuthu:** Ucapan tadi mengenai kenaikan Tenaga Nasional sebanyak 2 sen, seluruh negara, semua keluarga membantah. Ini sahaja. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya bercakap bagi pihak rakyat, bukan bagi pihak mana-mana individu, menterikah dan sebagainya. Oleh sebab itu, rungutan rakyat boleh didengar di kedai kopi, di masjid, di dewan, di surau, di atas bas dan merata-rata tempat. Kita tidak boleh bila kita mewakili rakyat di dalam Dewan yang mulia ini sama ada jadi Senator atau ahli Parlimen adalah wakil rakyat, itu kita perlu ingat. Kita bukan wakil menteri, kita bukan wakil - kerajaan memanglah kita wakil, tetapi kerajaan yang adil yang boleh memberi pertimbangan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, penswastan tadi yang saya sebut, kerajaan perlu memikirkan alternatif, saya sebut tadi, kalau ada pihak yang nampak sekarang ini mereka tidak mampu, PLUSkah, TEN yang ada sekarang ini tidak mampu, mereka boleh surrender balik, serah balik kepada kerajaan. Kerajaan boleh cari lain. Macam juga Perwaja, kalau Perwaja dahulu, kita beri Tan Sri Eric Chia mengurus bagi pihak kerajaan. Sebab itu Dato' Seri Dr. Mahathir kata apa yang berlaku pada waktu itu memang dalam keadaan sulit sedikit hendak mengambil tindakan dan interrogate, untuk membuat pemeriksaan dan sebagainya. Tetapi sekarang ini apabila diserahkan kepada 'Maju', apa

syarikat itu Tuan Yang di-Pertua, saya lupa. Bolehkah saya hendak bertanya Tuan Yang di-Pertua, yang mengambil alih Perwaja?

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Kena tanya pihak kerajaan. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tidak mengapalah. Maju Holdings dan sebagainya. Ada dua kompeni yang kerajaan sudah bersetuju. Jadi, apabila syarikat-syarikat ini sanggup mengambil dan kerajaan pegang sekian-sekian peratus, dia akan mengurus. Sudah tentu pengurusan orang yang mengeluarkan modal dan sebagainya mereka akan lebih teliti dan berhati-hati.

Saya hendak menyebut di sini kita memang akui bahawa kenaikan itu tidak boleh elak, sebab pendapatan kita pun dari masa ke semasa memang naik. Tetapi biarlah kenaikan itu munasabah. Tarik kenaikan itu pula pada jangka masa yang kita fikirkan berpatutan. Ini tidak, sudah naik sekarang, sudah beri pengakuan dua tahun lagi akan naik pula. Begitu juga tol. Ini saya rasa adalah suatu perangkap yang boleh menimbulkan kesan psikologi kepada rakyat. Jadi, rakyat memikirkan sekarang sudah naik, lepas itu berjanji hendak naik pula. Bagaimana keadaannya.

Oleh sebab itu, kesan-kesan yang secara tidak langsung, misalnya kenaikan harga barang-barang, kenaikan dari segi pengangkutan, kenaikan dari segi perkhidmatan lain-lain, memang secara tidak langsung, kalau dicampurkan itu semua akan menjadi beban. Dan beban ini sudah tentu ditanggung oleh orang yang mengguna, pembayar - kitalah. Jadi, sebab itu rakyat biasa ini menanggung beban. Kita tidak boleh baca dalam konteks 1.8 sen itu sahaja, tetapi sektor-sektor lain yang turut menaikkan akan juga turut dibayar oleh pengguna. Ini yang perlu dilihat.

Oleh sebab itu, sekali lagi saya menegaskan kerajaan perlu memikirkan secara dalam-dalam. Bukan saya katakan kerajaan tidak buat kajian. Tetapi kadang-kadang menteri buat pengumuman lebih cepat daripada Kabinet. Ada kadang-kadang menteri belum bawa ke Kabinet lagi dia sudah umumkan. Lepas itu hendak patah balik susahlah. Perdana Menteri tidak mahu beri nampaklah. Sebab itulah bila saya sebut tadi bila seseorang itu jadi menteri, dia jadi menteri bagi pihak kerajaan, bagi pihak rakyat, dia tidak boleh sewenang-wenang keluar kenyataan. Bila sudah terkeluar, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri tidaklah boleh kata yang itu menteri itu kata, saya tidak tahu. Kalau dia berjawatan menteri, maka dia bercakap bagi pihak kerajaan.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, kita hendaklah berhati-hati, sebelum seseorang menteri dan sebagainya mengeluarkan kenyataan, baik Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kerja Rayakah, Kementerian Tenaga, Telekom dan Poskah, kenalah teliti betul-betul. Dia hendak bawa ke pengetahuan Kabinet. Kabinet approve dahulu, barulah boleh umum. Kalau boleh, pengumuman ini memang menteri boleh umum. Tetapi perkara-perkara penting, macam saya sebut tadi, perlu ada suatu badan perundingan, Majlis Perundingan Keadilan Rakyat untuk buat pertimbangan, yang akan dapat maklumat daripada badan-badan NGO dan sebagainya untuk kumpulkan, selepas itu baru kita buat pengumuman. Kalau semasa kerajaan hendak membentang Belanjawan dahulu boleh buat macam itu, panggil badan-badan ini bincang minta pandangan, mengapa dalam soal-soal yang macam ini kerajaan tidak boleh buat macam itu. Saya pun hairan, kalau buat macam ini sudah tentu keputusan yang dibuat itu senang diterima dan boleh dirancang dengan lebih baik dan berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan.....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah bercakap hampir satu jam sepuluh minit. Saya hanya memberitahu masa sahaja. Teruskan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Terima kasih. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dalam Dewan ini kita ada banyak hari lagi hendak bahas. Bukan soal masa, Tuan Yang di-Pertua, tetapi soal perkara yang kita bincang itu. Kalau kita fikir bercakap soal masa, perkara kita tidak beri perhatian, jadilah perkara yang berlaku sekarang ini, naik tarif dan sebagainya. Kita kira hendak selamat satu pihak, kita tidak fikirkan secara menyeluruh.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Yang Berhormat, saya memberitahu masa sahaja. Saya tidak beritahu Yang Berhormat telah bercakap panjang masa.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang fahamlah-tu bila Tuan Yang di-Pertua beritahu masa. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Mana tahu kadang-kadang terlupa.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Ya. Terima kasih. Berkenaan dengan industri. Di sini ada disebut iaitu pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Kedua yang dilancarkan pada bulan November 1996 merupakan peralihan strategi perindustrian negara untuk menempatkan Malaysia ke tahap perindustrian yang lebih dinamik. Dalam masa itu juga, kita tahu kerajaan telah mengambil inisiatif untuk meliberalisasi dan melonggarkan peraturan-peraturan perdagangan termasuk pengurangan tarif - tarif elektrik naik, tetapi tarif untuk galak pelaburan perdagangan kita hendak kurang. Itu satu

benda yang kita nampak. Saya rasa dalam masa keghairahan kerajaan hendak mempertingkatkan industri dan perdagangan ini, kerajaan hendaklah juga mengambil kira kepentingan industri-industri yang diusahakan oleh rakyat tempatan. Bila kita buat pengurangan tarif dan sebagainya, ini menggalakkan industri daripada pelabur luar masuk.

Kita tahu pelaburan industri daripada luar biasanya mereka akan lebih memikirkan soal kemudahan pengecualian yang boleh mendapatkan keuntungan yang maksimum dalam jangka masa yang paling singkat. Selepas itu, mereka akan bawa duit ini balik dan mereka akan menikmati keuntungan. Dalam masa kita hendak wujudkan galakan perdagangan dan industri, kita juga memikirkan kesan-kesan sampingan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung kepada ekonomi negara dan juga kepada pendapatan rakyat itu sendiri. Kita juga harus memikirkan kepentingan pengusaha-pengusaha tempatan. Macam sekarang ini kalau sudah banyak industri dalam bidang elektronik, dalam bahagian pembuatan barang-barang yang berasaskan produk-produk tempatan sudah ada, tiba-tiba kita kurang tarif yang mana industri-industri luar dalam bidang yang sama masuk. Sudah tentu sedikit-sebanyak akan menjejaskan industri dalaman yang diusahakan oleh rakyat tempatan.

Dalam masa yang sama, dalam usaha kerajaan mengurangkan tarif dan menggalakkan industri luar masuk ini, kerajaan juga harus memikirkan supaya penggunaan tenaga buruh tempatan diambil kira. Kita tahu sekarang ini kerajaan lebih menggalakkan industri yang berintensif modal dengan menggunakan sains dan teknologi dengan tidak payah guna banyak buruh, dan ke arah itu sama ada kemampuan kita di dalam negara ini mengeluarkan jentera. Misalannya, salah satu benda saya dapat



maklumat daripada Tenaga Nasional seperti yang disebut oleh Dato' Ahmad Tajuddin, salah satu sebab mengapa kos pengurusan Tenaga Nasional meningkat kerana terpaksa import jentera-jentera daripada luar untuk menjana letrik ini. Itu alasan yang dia beri.

Jadi, kalau boleh sekarang ini, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sudah berjaya membawa industri berat seperti Perwaja dan sebagainya. Kita cari jalan bawa masuk industri yang boleh mengeluarkan jentera-jentera yang diperlukan oleh penjana-penjana untuk mengeluarkan tenaga letrik ini, kita tidak bergantung kepada import. Saya nampak sekarang ini kerajaan hendaklah khusus dalam bidang hendak menggalakkan industri ini dan kerajaan juga hendaklah memberi perhatian untuk mengagihkannya pembinaan industri ini mengikut kawasan-kawasan zoning, seperti yang pernah saya sebut dalam masa persidangan yang lepas. Saya tidak emphasis dari segi negeri. Saya sebut dari segi zoning, sekurang-kurangnya di kawasan utara yang melibatkan kawasan-kawasan IMT-GT, kita buat zon di mana semua keempat-empat negeri yang terlibat itu boleh tumpang mendapat nikmat. Satu kawasan sempadan yang kalau pun tidak termasuk Perlis sedikit, kita beri syer Perlis pun ada juga dari segi kuasa untuk hendak masukkan tenaga kerja untuk membuat pemasaran, pemilikan saham dan sebagainya, itu maksud saya.

Sekarang kita tidak mahu bila kita buat galakan perdagangan, hubungan tarif dan sebagainya, maka dia datang, dia pun buka industri bukan di tempat lain, di Selangor, di Pulau Pinang, di Johor, selepas itu mungkin di Kulim, sekarang sudah penuh, ada satu kawasan baru pula, kemudian di Kuantan, Pahang dan sebagainya. Kawasan-kawasan yang sudah pun padat dengan industri ini hendaklah dihadkan. Kita perlu buka kawasan-kawasan baru yang saya sebutkan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan pertanian. Berkenaan dengan pertanian ini sudah disebut berkali-kali. Pertanian ini memerlukan satu reformasi. Pertanian tidak mengalami perubahan yang banyak. Sekarang ini kita lihat kerajaan kita terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang cukup banyak semata-mata kerana mengimport bahan-bahan makanan, bahan-bahan yang berasaskan pertanian. Ini menunjukkan Kementerian Pertanian, maaf kalau saya cakap ini, mungkin gagal melihat keperluan negara, mungkin gagal membuat suatu pelan induk, satu perancangan yang boleh memberikan peluang kepada rakyat negara ini baik kepada petani, nelayan dan sebagainya secara terus ataupun sebagai satu badan agensi yang bertanggungjawab dalam bidang pertanian ini untuk berusaha meningkatkan produktiviti dalam bidang pertanian. Kita tahu dalam bidang perikanan, bidang pertanian seperti menghasilkan buah-buah, macam beras dan sebagainya dan makanan-makanan lain mempunyai potensi yang cukup tinggi. Lagi ramai penduduk di negara itu, lagi banyak keperluan untuk bahan-bahan makanan. Maka tidak ada sebab mengapa bidang ini tidak boleh meningkat maju dan sekaligus meningkatkan ekonomi petani-petani.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu mengadakan suatu perancangan yang lebih padu dan komprehensif untuk meningkatkan sektor pertanian yang sekarang ini kita tahu petani-petani terutama sekali pesawah-pesawah lebih bergantung kepada subsidi sahaja. Saya nampak sebelum kerajaan dapat merancang sesuatu strategi yang boleh merubah bentuk sektor pertanian itu sendiri, kerajaan perlu memberi subsidi kepada petani-petani ini termasuklah nelayan-nelayan dan juga pekebun-pekebun kecil. Sekarang ini subsidi padi masih belum berubah. Kalau kita desak kerajaan menaikkan harga-harga padi mungkin akan terjejas sebab harga beras juga akan

turut naik dan sekaligus bahan-bahan lain yang dibuat daripada bahan beras akan turut naik dan akan memberi kesan negatif kepada sektor ekonomi kita.

Oleh sebab itu, kerajaan masih mempunyai alternatif iaitu dengan meningkatkan subsidi padi kepada petani-petani. Dan dengan cara itu, kerajaan akan memberi dorongan dan galakan kepada petani-petani untuk terus mengusahakan pertanian. Macam di Sarawak, tadi Yang Berhormat kawan saya sebut ada banyak kawasan pertanian di sana yang masih terbiar dan pendapatan petani-petani masih di tahap yang kurang memuaskan.

Jadi, dengan cara ini sudah tentu akan memberi dorongan dan galakan kepada petani-petani untuk terus mengusahakan tanah pertanian mereka. Kerajaan juga hendaklah mencari jalan supaya projek-projek berkelompok ataupun di dalam bentuk yang diswastakan dapat menguruskan sektor-sektor pertanian. Sebab kita tahu ramai petani di luar bandar tidak mempunyai tanah-tanah yang luas. Mereka mempunyai tanah-tanah kelompok yang kecil-kecil. Oleh sebab itu, dari segi pengurusannya tidak ekonomi. Maka sudah sampailah masanya kerajaan memikirkan bagaimana cara hendak menswastakan sektor pertanian ini supaya satu agensi yang lebih mampu, yang boleh meningkatkan produktiviti, boleh memberi hasil yang bertambah kepada petani-petani dan petani-petani ini akan dianggap sebagai pemegang syer di dalam syarikat yang diusahakan itu.

Kita boleh mengusahakan kawasan bendang secara swasta, kita boleh mengusahakan dusun-dusun buah-buahan secara swasta, kita boleh mengusahakan perikanan secara swasta tetapi badan yang akan dipertanggungjawabkan itu perlu diwujudkan oleh kerajaan. Sekarang ini kerajaan telah pun mengubahkan LPN iaitu menukar menjadi Bernas dan Bernas sekarang ini akan diswastakan. Saya percaya kalau

LPN boleh ditukar kepada Bernas dan Bernas ini sudah diswastakan, tidak ada sebab mengapa kerajaan tidak boleh mengubah agensi-agensi yang semacam LPP, LKIM dan sebagainya supaya mereka ini diletakkan di bawah satu badan swasta yang boleh menguruskan dengan cara yang lebih komersial lagi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berkenaan dengan negara-negara ASEAN seperti yang terdapat dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong, iaitu Kerajaan Malaysia akan terus memberi penekanan kepada kerjasama serantau di kalangan negara-negara anggota ASEAN supaya menjadikan ASEAN kawasan perdagangan dan pelaburan yang lebih menarik dan boleh dimanfaatkan oleh syarikat-syarikat Malaysia.

Ini saya kaitkan kerana ia ada kaitan dengan perdagangan, tetapi apa yang saya hendak sebutkan sekarang ini, dalam usaha kita untuk mewujudkan suasana berbaik-baik dengan negara-negara jiran terutama sekali negara-negara ASEAN, kita hendaklah juga jangan seperti kata orang 'korban sebelah pihak'. Kita hendaklah commit negara-negara ASEAN ini secara sepenuhnya, misalannya soal-soal pendatang haram atau pendatang tanpa izin. Kita tahu kerajaan sendiri tahu lebih kurang 50,000 pendatang daripada Bangladesh menunggu di sempadan Malaysia dengan Thailand. Mereka masuk melalui Thailand, lepas itu tunggu di sempadan mengguna visa yang didapati melalui kedutaan Thailand di Bangladesh untuk hendak masuk ke sini.

Kalaulah kita ada hubungan baik dengan negara-negara ASEAN termasuk Thailand, Indonesia dan sebagainya termasuk Bangladesh sendiri dan mungkin selepas ini termasuk Myanmar, Combodia, Laos dan sebagainya, kita perlu mengadakan suatu perjanjian bersama supaya kepentingan ini menjadi kepentingan bersama.

Thailand tidak boleh menggunakan negerinya sebagai laluan pihak-pihak lain melalui negaranya ke satu-satu negara ASEAN seperti negara kita sekarang ini. Saya percaya penuh kalau perkara ini dibawa ke tengah dan dibawa kepengetahuan kerajaan negara-negara ASEAN, secara di antara kerajaan dengan kerajaan melalui satu badan yang lebih formal, sudah tentu perkara perlu diberi perhatian.

Oleh sebab itu, apa yang saya ingin tekankan di sini kerajaan perlu merujuk kes-kes seperti ini kepada kerajaan-kerajaan negara jiran yang ada hubungan, misalnya negara Thailand kita perlu mendapat - begitu juga dengan penjenayah-penjenayah daripada negara asal Filipina dan sebagainya, kalau kita sudah tahu rakyat yang melakukan jenayah atau penjenayah itu daripada negara tersebut, bagaimana kita tidak boleh mendapatkan kerjasama daripada negara-negara ini sedangkan mereka ini daripada Filipina, Indonesia dan sebagainya.

Saya sendiri sebutkan di dalam soalan tambahan tadi, kita terpaksa membelanjakan wang berjuta-juta ringgit untuk mencari jalan mengatasi masalah pendatang tanpa izin. Kita terpaksa menjalankan penguatkuasaan menangkap mereka, lepas itu bawa mereka ke satu tempat, sediakan tempat, beri makanan, kalau sakit pula terpaksa bawa ke klinik, hospital dan beri rawatan kepada mereka. Kemudian pula, kita terpaksa tanggung semua perbelanjaan, kemudian kalau mereka itu bersetuju mencari jalan untuk hantar balik, kena tolong buat pasport beri balik, lepas itu kena belanja kapal terbang ataupun melalui kapal laut, semuanya kita kena mengeluarkan perbelanjaan, sedangkan tidakkah boleh perkara yang seperti ini kita rujuk balik kepada kerajaan negara-negara yang berjiran ini supaya mereka juga mempunyai tanggungjawab, sebab ini adalah rakyat mereka.

Mereka tidak boleh lepas tangan, mereka datang secara sendiri maka tanggungjawab kerajaan itulah menguruskannya. Ini bukan pakatan secara positif, secara berjiran. Saya rasa perkara ini boleh diselesaikan dengan melalui perbincangan dan kerajaan negara-negara yang terlibat perlu mengambil tanggungjawab membelanjakan wang untuk menghantar pulang misalannya, ataupun kalau boleh diadakan tabung bersama di peringkat ASEAN untuk membiayai perkara-perkara yang seperti ini, tidak hanya dibebankan kepada negara kita.

Sekarang ini kita sudah menjadi sukar, pendatang tanpa izin sudah melebihi dari satu juta dan kedatangan mereka tidak akan putus, mereka akan terus datang juga, lebih-lebih lagi apabila hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah lebih ringan dari manfaat yang akan mereka perolehi dan ini kita amat berasa dukacita kerana akhir-akhir ini kerajaan telah dapat mengenal pasti pendatang-pendatang tanpa izin ini dibawa masuk oleh sindiket-sindiket dalaman dan kita harap pihak kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri dan sebagainya perlu mengambil perhatian yang berat mengenakan ....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Yang Berhormat, minta duduk sekejap!

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila sambung.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyambung perbahasan saya. Mengenai pendatang-pendatang tanpa izin tadi, apa yang diharapkan ialah supaya kerajaan mengenakan tindakan ataupun hukuman terhadap mereka yang bertanggungjawab memalsukan dokumen-dokumen untuk membantu pendatang-pendatang tanpa izin ini masuk ke negara kita sehingga ada perkara yang

berlaku, yang melibatkan pegawai-pegawai di pihak agensi kerajaan sendiri. Saya tidak mahu menyebutkan nama-nama agensi itu, memang perkara ini sudah dikeluarkan dalam surat khabar yang secara tidak langsungnya ada terlibat dengan rasuah dan sindiket membawa masuk pendatang-pendatang tanpa izin ini memang menjadi satu usaha komersial, satu perdagangan yang boleh mendatangkan hasil pendapatan yang banyak.

Kita harus melihat bahaya kedatangan pendatang-pendatang tanpa izin ini bukan sahaja dari segi ancaman keselamatan, bukan sahaja dari segi kewangan, ekonomi, mereka juga membawa penyakit, mereka juga boleh menimbulkan masalah sosial dan baru-baru ini pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur baru sahaja mengambil tindakan merampas barang-barang sebab kita dapati ada tempat-tempat tertentu yang dikuasai oleh pendatang-pendatang haram ini menjalankan perniagaan.

Secara tidak langsungnya kedatangan mereka ini lebih banyak menimbulkan masalah sosial dan masalah keselamatan dalam negara, baik dari segi pendidikan, dari segi kesihatan dan dari segi lain, perkara-perkara yang membebankan kerajaan.

Tadi, kita telah mendengar, kerajaan kadang-kadang tidak dapat hendak memastikan sama ada pendatang-pendatang haram ini terdiri daripada penjenayah-penjenayah sebab mereka masuk secara haram dan kalau mereka masuk secara sah pun, saya ingat ada juga perkara loop hole, perkara yang sukar dikesan, lebih-lebih lagi mereka yang terlibat dengan penyakit yang berjangkit seperti AIDS dan sebagainya. Dan paling malang sekali baru-baru ini kita mendengar melalui berita, ada pendatang-pendatang tanpa izin yang masuk membawa pil Ecstasy yang lebih bahaya daripada dadah dan kita juga tahu ada sindiket-sindiket yang melakukan pelacuran dari kalangan pendatang tanpa izin ini dan sebab itulah sekarang ini terlalu banyak berita bersangkutan

dengan rompakan, pecah rumah, kecurian, pembunuhan, buang anak, berlaku khalwat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu, saya minta supaya kerajaan lebih menekankan dari segi penguatkuasaan, enforcement dalam usaha untuk membanteras kemasukan pendatang-pendatang tanpa izin. Dan pendatang-pendatang tanpa izin yang telah dibenarkan beroperasi secara sah juga hendaklah sentiasa diawasi.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang minta laluan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Ya, sila.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Minta laluan penjelasan berkenaan dengan pil Ecstasy ini dengan dadah? Jadi, saya selama ini ingatkan dadah ini yang merbahaya sekali, tetapi Ahli Yang Berhormat kata tadi pil Ecstasy ini lagi merbahaya daripada dadah, bagaimana perbezaan dadah dengan pil Ecstasy, yang Yang Berhormat menyebutkan pil Ecstasy ini lebih teruk daripada dadah. Adakah Ahli Yang Berhormat ada pengalaman *[Ketawa]* ataupun mendengar sahaja cerita orang, cuba lakonkan sedikit. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang sudah menjangka kalau Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki duduk di bawah memanglah dia akan minta laluan dan memang pun berlaku. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita biarkanlah pihak-pihak yang lebih profesional dan akademik yang memberi jawapan dalam masalah pil Ecstasy itu sebagai Ahli Dewan Negara kita hanya bercakap secara umum dan saya percaya semua orang akan bersetuju



bahawa pil Ecstasy ini memang merbahaya, ianya boleh memberi rangsangan kepada remaja-remaja yang mengambil pil ini untuk melakukan apa sahaja.

Jadi, oleh sebab itu, saya rasa kalau Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki hendak tahu lagi, dia bolehlah pergi berjumpa dengan pihak Kementerian Dalam Negeri ataupun Kementerian Kesihatan untuk bertanyakan pandangan mereka apa bahayanya. Dan malangnya pil ini sekarang ini telah dibawa masuk melalui negara-negara jiran, melalui Indonesia, Thailand, Singapura dan mungkin melalui pelancong-pelancong yang datang dan tidak terlepas juga daripada pendatang-pendatang tanpa izin.

Tuan Yang di-Pertua, secara kebetulan saya ini sebagai Bendahari Pemadam Negeri Kedah dan juga sebagai Timbalan Pengerusi Lembaga Pelawat Pusat Serenti Bukit Chabang di Perlis, jadi, saya terlibat khusus dengan penagih-penagih dadah ini dan sebagainya saya melihat keadaan ini cukup serius. Oleh sebab itu masalah dadah dan masalah pil-pil yang dibawa dan boleh mengganggu ini perlu diambil tindakan. Saya tahu perkara ini sudah menjadi suatu bahan yang boleh diniagakan, boleh menghasilkan pendapatan yang lumayan. Kalau tidak ada orang yang mengurus dan membawa masuk pil dan membekalkan kepada pihak-pihak ini maka perkara itu boleh dihentikan. Oleh sebab itu, kerajaan sudah tentu mempunyai kemampuan boleh mengesan pihak-pihak yang terlibat dengan penjualan, pendedaran bahan-bahan ini.

Saya minta supaya kerajaan menjatuhkan hukuman yang berat. Sekarang ini kita lihat apabila dibawa bahan ini walaupun dikenakan hukuman gantung sampai mati, tetapi kadang-kadang proses undang-undang yang hendak menghukumkan seseorang yang terlibat itu begitu panjang dan agak begitu rumit. Kadang-kadang benda itu boleh berlaku, kes tidak sempat hendak habis dua, tiga kes lagi, banyak perkara baru yang lain

akan timbul lagi. Sekarang ini seperti menteri pernah kata, dalam 55 minit seorang penagih baru, itu kita tidak ambil kira penagih-penagih yang kita tidak dapat kesan. Kita belum lagi mengambil kira penagih-penagih yang berulang. Saya pernah berkali-kali memanggil penghuni-penghuni pusat serenti di Bukit Chabang menanyakan mereka. Lebih daripada 60% penghuni yang ada itu adalah kes-kes yang berulang. Setelah mereka dipulihkan, apabila kita benarkan dia keluar balik, lepas itu dia terlibat semula, masuk pula.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, oleh sebab itu, kerajaan perlu mengenakan hukuman yang lebih keras dan kita kena menganggap orang-orang yang terlibat dengan penagihan dadah dan juga pil Ecstasy ini sebagai suatu kesalahan jenayah, tidak hanya sekadar mengenal pasti, menangkap mereka, selepas itu pergi test, kemudian hantar ke pusat serenti. Itu seolah-olah semacam menggalakkan mereka melibatkan diri.

Sekarang ini kita merasa amat takut apabila pihak penguatkuasa masuk ke pusat-pusat hiburan, ke kelab-kelab malam, kita ucap tahniah kepada pihak penguatkuasa Dewan Bandaraya dan kita merasa kesal kerana ada pihak-pihak yang demi untuk kepentingan politik dan sebagainya cuba masuk campur dalam penguatkuasaan hendak membanteras gejala-gejala yang boleh membawa kepada masalah dadah dan gejala sosial ini.

Banyak pusat hiburan, kelab malam yang melanggar peraturan, kerajaan mengambil tindakan kepada pengusaha-pengusaha yang melanggar peraturan, yang menjalankan operasi secara haram. Ini yang kita ambil tindakan. Kita bukan mengambil tindakan terhadap pengusaha-pengusaha yang patuh kepada peraturan, kita tidak bertindak, tetapi pengusaha-pengusaha yang engkar. Oleh sebab itu sudah sampai

masanya kerajaan patut mengenakan hukuman yang lebih berat. Kes-kes yang berulang kerajaan perlu mengenakan hukuman yang berat, kalau boleh kita buang daerah, tidak usah beri orang itu tinggal di kawasan itu, dia keluar dibuang daerah dan tidak payah dikeluarkan lesen, biar dia cari makan dengan cara pendapatan lain.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Adakah Yang Berhormat sedar bahawa hukuman dalam soal penagihan dadah ini sudah ada mandatori, dihukum gantung sampai mati dan sudah ada yang dibuang daerah, dibuang negeri dan bermacam-macam. Jadi, cuba Yang Berhormat cadangkan apakah yang lebih keras daripada ini?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebut tadi ialah pengusaha-pengusaha pusat hiburan dan kelab-kelab malam, hak yang dadah tadi saya sudah kata. Walaupun ada hukuman gantung sampai mati, jadi ia ada kaitan dengan apa yang saya cakap itu perkara ini ia ada berkaitan. Perkara yang saya hurai ini tentang pengusaha-pengusaha pusat hiburan dengan kelab malam. Ini kita tengok apabila masuk ke mahkamah, habis sangat barang-barang dirampas, selepas itu dia dijatuhkan hukuman sekian puluh ribu ringgit, dia bayar, kemudian apabila dia keluar dia jalankan perniagaan balik. Ini yang saya sebut - bukan hukuman mati. Apa yang saya sebut tadi ialah penagih yang berulang, dia kena penjara, dia tidak boleh masuk lagi ke pusat serenti. Penagih-penagih yang berulang ini tidak perlu lagi dirawat di pusat-pusat serenti, kita bubuh dia di penjara, dia duduk dalam penjara sampai masa kalau dia boleh pulih pun biar dia pulih dalam penjara. Kalau dia tidak boleh pulih pun biar dia mati dalam penjara itu sahaja - senang. Saya terlibat secara terus dengan penagih-penagih ini, jadi saya tahu keadaan. Tidak ada gunanya, kita habis duit, dalam sebulan RM300.00 untuk seorang penghuni, untuk makanan sahaja. Itu tidak masuk lagi perbelanjaan lain-

lain, buat bangunan, gaji dan sebagainya. Untuk makan seorang penghuni RM300.000 sebulan, kerajaan terpaksa belanja.

Jadi, apa gunanya kita habis duit, belanja duit banyak untuk memulihkan orang tidak pernah pulih. Akhirnya diri mereka tidak pulih, keluarga mereka tidak pulih, tetapi penagihan makin bertambah. Ini yang saya maksudkan. Jadi, sekarang ini kita tangkap, kita bawa masukkan dia ke dalam pusat pemulihan, selepas itu apabila dia pulih, kita lepas, kemudian dia terlibat semula. Kita buat kajian, selidik dan sebagainya boleh diberi peluang pula. Tindakan ini tidak berkesan, kita mesti mencari jalan keluar.

Tan Sri Pengerusi, Tuan Yang di-Pertua, tadi Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin marah sebut 'Pengerusi'. *[Ketawa]* Berkenaan dengan operasi kelab malam dengan pusat-pusat hiburan.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Saya terasa hendak sangkal sedikit dengan perkataan 'marah'. Saya tidak pernah marah, saya membetulkan sahaja tadi.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Saya tarik balik, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh berkenaan dengan kebenaran. Saya ada mengemukakan satu soalan dalam Dewan ini bersangkutan dengan tindakan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Tetapi soalan itu ditolak, katanya 'sebab dia bukan di bawah bidang kuasa Kerajaan Tempatan ia di bawah bidang kuasa kerajaan negeri'.

Saya tidak tahu di mana letaknya penyelarasan penguatkuasaan dari segi hendak membanteras masalah gejala sosial ini. Saya kira Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini sudah tentu mempunyai tanggungjawab, sebab masalah lesen-lesen yang dikeluarkan kepada pengusaha-pengusaha pusat-pusat hiburan dan kelab-kelab malam ini sedikit-sebanyaknya melibatkan kerajaan tempatan sama ada di peringkat Persekutuan

ataupun peringkat negeri. Itu yang saya faham. Tetapi macam mana soalan saya itu katanya 'ditolak' kerana tidak terlibat. Saya minta penjelasan, saya tanya di situ. Apakah kriteria seseorang pengusaha itu boleh dibenarkan terus menggunakan lesennya mengoperasikan pusat-pusat hiburan ini, sedangkan dia sudah melanggar peraturan beberapa kali, apa tindakan yang sepatutnya dibuat? Sebab itu tidak pernah selesai. Kita mampu hendak mengadakan ramai penguatkuasa. Kadang-kadang kita sendiri fikirkan ada bahayanya balik. Kalau Tuan Yang di-Pertua, sendiri pun menjadi penguatkuasa, hendak pergi masuk geledah ke tempat-tempat ini yang memang ada kaitan dengan orang-orang untuk .....

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat setuju kalau saya memberi cadangan, sebab itu kalau Yang Berhormat setuju beri ulasan di mana masalah banjiriran pusat-pusat hiburan dalam bandar-bandar atau bandaraya kebanyakannya di bawah tanggungjawab majlis perbandaran yang mengeluarkan lesen.

Saya ingin mencadangkan kalau Yang Berhormat setuju supaya pusat hiburan ini dikhususkan disatu tempat sahaja. Sekarang ini kita lihat banyak lesen-lesen diberi mengikut suka hati, di menara tinggi yang dikatakan 'intelligent building', sebagai contoh, tingkat 7, pejabat peguambela; tingkat 6 pejabat arkitek; tingkat 9 agensi FAMA; tingkat 5 itu ada pusat hiburan dalam satu bangunan, mengotorkan bangunan betul, dicampuraduk semua sekali. Jadi, apa kata Yang Berhormat kalau kita cadangkan kepada kerajaan, kita adakan pusat hiburan ini khusus macam Life Centre di sebelah Hotel Equatorial, sebagai contoh dan ada lagi dua-tiga tempat, dipusatkan di situ sahaja, mudah dari segi enforcement, mudah dari segi keselamatan, hendak jaga (control) oleh pihak

keselamatan daripada berterabur di segenap tempat dan boleh dikatakan berselerak. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat kalau 'setuju' beri ulasan panjang sedikit! Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, memang ke arah itulah yang saya hendak pergi dan bersetuju sekali dengan pandangan Datuk iaitu masalah pusat-pusat hiburan ini memang pun saya hendak sebut. Kita tidak boleh tengok pusat-pusat hiburan untuk orang-orang awam yang biasa yang kita benarkan buat di merata tempat sahaja. Masih banyak tempat-tempat untuk golongan elit yang kadang-kadang kita tidak nampak sebagai pusat hiburan. Misalnya di kasino ataupun kelab-kelab untuk elit. Ini juga perlu diberi perhatian dan saya amat bersetuju supaya pusat-pusat hiburan ini .....

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan. Apakah yang diertikan dengan golongan 'elit' itu?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, lebih baik saya sebut secara umum sahaja. Biarlah 'Jauhari jua yang mengenal manikam'. Bercakap dalam Dewan tidak perlu tepat-tepat, orang yang faham - fahamlah, yang tidak faham itu biarkan dia tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua, Genting Highlands - semua orang tahu. Macam Datuk Haji Ibrahim bin Ali kata tadi di bangunan tinggi, di tingkat atas bukan di Hotel Dynasty - tempat lain, saya tengok elok ada tempat bulat di atas. Kadang-kadang tempat yang macam ini, penguatkuasa dia susah sedikit hendak masuk, tambahan pula ia ada syarat-syarat, ada guard dan sebagainya dan kalau masuk takut berjumpa dengan orang tertentu, jadi mereka susah hendak masuk. Tempat-tempat ini juga mereka ini bukanlah 'immune',

bukan dikecualikan daripada undang-undang - undang-undang tetap undang-undang. Kalau menjalankan perkara-perkara yang maksiat, yang bertentangan dengan undang-undang boleh juga membawa kepada masalah gejala sosial, kita perlu ambil tindakan.

Saya amat bersetuju.....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Saya hendak tanya Yang Berhormat, masa dia muda dahulu, dia ingatkah ada satu tempat namanya BB Park, New World Park adakah pernah pergi ke situ, kalau ada pergi ke tempat hiburan macam itu, tempat hiburan semua dikandung di dalamnya, ronggeng pun ada, joget pun ada - masa itulah, sekarang sudah tidak ada - baguslah. Jadi, Yang Berhormat setujukah kita adakan macam itu? *[Ketawa]*

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, ini menyebabkan saya lebih ghairah hendak sambung bercakap *[Ketawa]* sebab kawan-kawan saya ini dia suka sulam macam itu. Memang saya bersetuju, dahulu pun saya pernah bercakap dalam Dewan ini juga. Misalnya di Langkawi, tempat yang menjual arak - saya pernah mencadangkan supaya perkara-perkara ini dizonkan, dikhaskan di tempat-tempat yang tertentu, tempat lain tidak boleh berlaku, sebab sekurang-kurangnya kita menjuruskan. Macam saya sebut tadi, negara Malaysia meletakkan agama Islam sebagai agama rasmi, ini bukan masalah agama Islam sebagai agama rasmi, minum arak, perkara gejala sosial ini agama lain pun memang tidak bersetuju, benda itu buruk, tidak elok berlaku, berjudi agama lain pun tidak benarkan, berzina agama lain pun tidak benarkan. Oleh sebab itu tidak menjadi satu pertentangan, satu benda yang sensitif kepada golongan lain. Jadi, kita patut zonkan tempat jual arak dan sebagainya, kita buat satu tempat supaya senang pegawai-pegawai penguatkuasa hendak pergi geledah, hendak pergi tangkap pun

senang. Tempat hiburan pun kita buat satu tempat, ada zon, siapa yang membuat di tempat lain dengan sendirinya kita boleh mengambil tindakan. Jadi, sekarang ini rata-rata tempat dia boleh buat, dalam rumah sendiri pun boleh buat. Kita kasihan tengok pegawai penguatkuasa terpaksa pergi, selepas itu bila pintu dikunci, terpaksa kena cari benda untuk belah untuk masuk ke dalam pula, kemudian ada pegawai yang tidak mahu pergi ke situ, banyak halangan dan rintangan. Kalau kita yang duduk dalam Dewan yang mulia ini menjadi pegawai penguatkuasa, akan mengalami tekanan jiwa, keluarga di rumah tidak senang, sampai Ketua Pengarah Dewan Bandaraya sendiri keretanya dan rumahnya pernah cuba dibakar. Kerajaan tidak boleh pandang perkara ini sebagai perkara ringan, kalau kita hendak menentang kemungkaran.....

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Yang Berhormat sebut tadi ‘kalau kita menjadi pegawai penguatkuasa, maka kita kena tekanan jiwa’. Apa fasal ‘tekanan jiwa’ itu.  
*[Ketawa]*

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang bila soalan ini terlalu banyak menyimpang, saya ingat akan menghilangkan apa yang ada dalam otak saya. *[Ketawa]* Saya terpaksa kena beri perhatian pula. Saya ingat semua orang tahu, kalau kita buat sesuatu kerja yang mengancam balik keselamatan kita, jiwa kita, isteri dan anak kita berada di dalam cemas, takut. Sekarang ini kita lihat seolah-olah sudah ada trend yang menjurus ke arah itu, vandalism, macam polis sendiri, dia cuba hendak menguatkuasakan bila ditahan, ada lori dan motor yang ‘belah’ dan ada polis yang pernah mati disebabkan oleh dilanggar, ini yang saya maksudkan. Jadi, pegawai penguatkuasa untuk hendak membanteras gejala sosial ini pun menghadapi masalah yang sama.



**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, ada orang yang

.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah! Cukuplah! Tak usah beri. Cukup dahululah *[Ketawa]*.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Biar perhabiskan, 5 minit lagi, cepat.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, habis ini ada lagi, hendak sambung lagi. *[Ketawa]* Bukan habis berhenti kerana tidak ada masa. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah satu jam lebih.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Saya tidak akan tamatkan selagi saya dibenarkan, saya akan terus.....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk hendak mengingatkan, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Perlis ini kemungkinan dia hendak memecah rekod Allahyarham Tuan Shaari bin Jusoh, dua jam lebih, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali - bercakap dua jam lebih sewaktu berucap di Dewan Rakyat. Saya hanya mengingatkan sahaja, janganlah buat satu rekod di sini pula.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** *[Ketawa] [Bangun dan keluar dari Dewan]*

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, ini macam saya katalah bukan masalah bercakap kerana hendak bercakap, bukan masalah hendak pecah rekod. Masalahnya ialah isu - itu sahaja. Kalau dirasakan saya bercakap itu hendak memecah rekod *[Ketawa]* saya tidak perlu bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan galakan pelancongan. Apa yang saya sebut ini semua adalah terdapat dalam Titah Ucapan. Di sini ada disebut ‘perkembangan industri pelancongan di negara ini akan diperhebatkan sebagai destinasi pelancongan antarabangsa yang penting, kerajaan akan juga memberi tekanan kepada pembangunan industri pelancongan domestik’.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kehairahan kita menggalakkan kedatangan pelancong-pelancong dari luar, kita juga hendaklah mengusahakan supaya pelancong-pelancong domestik, pelancong-pelancong tempatan tidak keluar, bawa duit kita keluar belanja di luar, sebab dari segi ekonomi kalau kita bawa duit kita belanja di luar kita akan rugi banyak. Tetapi kalau kita terima duit luar masuk kadang-kadang ada kesan positif dan ada kesan negatif. Apa yang saya hendak ingatkan dalam kita menggalakkan pelancong-pelancong daripada luar datang ke dalam negara kita, kita hendaklah mengambil perhatian berat seperti apa yang berlaku di Thailand, kalau tidak silap saya dalam CNN berita pagi tadi, ada sindiket luar yang masuk ke sini sama ada masuk membawa pelacur masuk ataupun mencari orang dalaman dibawa keluar untuk menjadi pelacur. Ini adalah satu bab. Kemudian yang satu lagi bawa masuk benda-benda yang boleh merosakkan negara kita, misalnya pil ecstasy, dadah, bawa keluar-masuk senjata haram dan sebagainya. Jadi, kerajaan hendaklah mempunyai mekanisme yang cukup bagi memastikan kemasukan pelancong-pelancong ini lebih memanfaatkan negara daripada memberi keseronokan kepada pelancong-pelancong ini.

Kita tidak harus lihat dari segi apa yang kita akan dapat dari segi pendapatan ekonomi sahaja, kita hendaklah sama-sama memikirkan kepentingan negara kita dari segi keselamatan baik pun dari segi kepentingan ekonomi, supaya kita tidak begitu terdedah

kepada gejala-gejala sosial negatif termasuklah membawa masuk budaya-budaya yang bercanggah dengan tradisi kita di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut juga berkenaan dengan keadaan hotel-hotel kita yang sekarang ini agak terlalu tinggi sewanya. Kalau kita hendak galakkan pelancong-pelancong tempatan untuk bercuti dan pergi melawat ke tempat-tempat di dalam negara kita ini, saya rasa dalam negara kita juga tidak kurang tempat-tempat yang cukup elok dan boleh dilawati serta boleh dinikmati oleh pelancong-pelancong tempatan, tetapi perkara yang kita harapkan, kerajaan perlu memikirkan satu pakej yang boleh memberi dorongan dan galakan, insentif kepada pelancong-pelancong tempatan. Misalannya dari segi penginapan di satu-satu tempat, kalau dia pergi di atas dasar keluarga ataupun lebih daripada seorang, dia boleh buat rombongan, dia boleh beri insentif, dia beri kadar yang agak menggalakkan - murah. Apa salahnya kalau kita sanggup beri galakan insentif kepada pelancong-pelancong luar, kita juga memberi galakan kepada pelancong dalam negeri, malah kita akan lebih untung lagi.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga kepada perkhidmatan-perkhidmatan lain dari segi pelancongan kita hendaklah memikirkan perkara-perkara..... masa sudah cukup Tuan Yang di-Pertua .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat betul-tetapi.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Ya, saya ingat, saya berhenti di sini dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta sambung besoklah ya. Pada pukul 2.30 besok....

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Hari Isnin, Tuan Yang di-Pertua .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh! Maaf hari Isnin. Sambung pada hari Isnin pukul 2.30 petang. Dewan akan bersidang pada hari Isnin, hari ini tidak dapat hendak diselesaikan.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.***

